

## Komentar 9

# Sifat Gengsterime Parti Komunis China

### Pendahuluan

Gerakan komunisme yang telah bergembar-gembur selama 100 tahun lebih, hanya membawa kepada manusia peperangan, kemiskinan, pertumpahan darah dan autokrasi. Seiringan dengan keruntuhan Kesatuan Soviet dan parti-parti komunis Eropah Timur, drama yang tidak masuk akal yang telah mencelakakan dunia manusia ini pada akhir abad yang lalu telah memasuki babak yang akhir. Daripada rakyat jelata hinggalah setiausaha agung parti sudah tidak ada seorang pun yang mempercayai kebohongan komunisme lagi.

Regim komunis bukan berasal daripada “mandat Tuhan” [1], bahkan juga bukan “hasil pemilihan demokrasi”. Dengan pada hari ini ideologinya yang menjadi sandaran kelangsungan hidupnya telah hancur total, maka keabsahannya untuk tetap berkuasa telah menghadapi cabaran yang tidak pernah ada pada sebelumnya.

Parti Komunis China (PKC) tidak mahu tunduk pada arus sejarah dan tidak mahu berundur dengan sendirinya daripada panggung pentas sejarah, bahkan mempamerkan pelbagai macam taktik gangster yang tertimbun dalam kempen-kempen politik selama berpuluh-puluh tahun, mula mencari alasan keabsahan bagi cuba untuk hidup semula di tengah-tengah kerontaan yang kegila-gilaan.

Baik reformasi ekonomi mahupun keterbukaan yang dilakukannya, tujuan PKC adalah hanya demi mempertahankan kepentingan kumpulannya dan kekuasaan autoritariannya secara bermati-matian. Perkembangan ekonomi China selama 20 tahun belakangan ini, yang merupakan hasil jerih payah rakyat China yang masih berada di bawah kawalan yang ketat, bukan sahaja tidak dapat membuat PKC meletakkan pisau penyembelihnya, malahan dirampasnya sebagai modal bagi keabsahan pemerintahannya, membuat perilaku jahatnya yang selama ini lebih berdaya untuk menipu dan mengelabui mata. Yang paling menakutkan ialah, PKC sedang mengerahkan seluruh upayanya, berikhtiar untuk menghancurkan asas nilai moral etika segenap bangsa, cuba mengubah orang-orang China menjadi gangster besar mahupun kecil dalam tahap-tahap yang berbeza, bagi menyediakan persekitaran kelangsungan hidup buat PKC untuk “berjalan seiring waktu”.

Demi kebaikan dan ketenteraman bangsa yang abadi, demi membuat negara China untuk memasuki era yang tanpa PKC, dan demi mengukir kembali kegemilangan bangsa, maka pada hari ini dalam sejarah, mengenali dengan jelas tentang sifat gengsterime PKC, dan mengapa PKC mahu menunjukkan kesamsengannya, menjadi soal yang sangat penting sekali.

## **I. Sifat Hakiki Gengsterisme PKC Sejak Dari Dulu Lagi Tidak Pernah Berubah**

### **(i) Untuk Siapakah PKC Melakukan Reformasi?**

Dalam sejarah, setiap kali mengalami krisis, PKC selalu menampilkan sejumlah tanda-tanda pembaikpulihan, untuk membangkitkan khayalan orang-orang terhadap PKC. Namun tanpa ada yang terkecuali, gelembung impian-impian kosong ini lenyap satu demi satu. Kini, di bawah imej maya kemakmuran ekonomi PKC yang mengejar hasil dan keuntungan singkat di depan mata, timbul lagi khayalan orang-orang terhadap PKC. Namun, konflik dasar antara kepentingan PKC dengan kepentingan bangsa dan negara, telah memastikan kemakmuran sedemikian tidak dapat bertahan lama, reformasi yang dijanjikan semata-mata hanya demi mempertahankan kekuasaan PKC, hanya berupa reformasi yang pincang pada permukaannya namun pada hakikinya tetap tidak berubah. Di sebalik perkembangan yang tidak normal ini, tersembunyinya krisis sosial yang lebih besar. Sesekali krisis tersebut meletus, bangsa dan negara akan sekali lagi mengalami pukulan yang amat besar.

Seiring pergantian generasi kepimpinan PKC, mereka tidak lagi memiliki kelayakan dan pengalaman untuk menguasai negara, juga makin hari makin tidak memiliki kewibawaan untuk mempertahankan negara. Tetapi PKC sebagai suatu kesatuan, di tengah-tengah krisis keabsahan pemerintahan, perlindungan terhadap kepentingan kumpulannya makin hari makin menjadi perlindungan pokok bagi kepentingan individu. Bagi parti politik yang ego dan bermaharajarela sedemikian, khayalan orang-orang terhadapnya untuk berkembang tanpa sebarang halangan, itu hanyalah suatu hal yang diangan-angankan satu pihak semata-mata.

Mari kita lihat apa yang dikatakan oleh media PKC Harian Rakyat (Ren Min Re Bao) dalam berita di halaman pada 12 Julai 2004.

“Dialektik sejarah telah mengajarkan orang-orang PKC: Benda yang harus diubah maka mesti diubahkan, jika tidak diubah akan merosot; yang tidak boleh diubah, jangan mengubahkannya, jika diubah akan membawa kepada kemusnahan diri sendiri.”

Apakah yang tidak harus diubah? Harian Rakyat menerangkan “garis dasar parti berupa ‘satu pusat, dua perkara dasar’ harus kekal selama seratus tahun dan tidak boleh goyah” [2]

Orang-orang tidak mengerti apa sebenarnya yang dimaksudkan dengan “pusat” dan “perkara dasar”, namun begitu, sesiapa pun faham bahawa keinginan roh jahat komunis untuk mempertahankan kepentingan kumpulannya serta autokrasi kediktatorannya, mutlak tidak akan berubah sama sekali. Tuntasnya, Parti Komunis telah kalah dan runtuh di dalam lingkungan seluruh dunia, itu pun merupakan takdir untuk mati bagi komunisme. Tetapi, sesuatu yang semakin mendekati kehancuran, juga semakin mempunyai daya rontaan yang membawa kemusnahan menjelang kematiannya. Berbicara reformasi dan demokrasi dengan Parti Komunis, tidak lain adalah menanyakan harimau untuk menggantikan kulitnya.

## **(ii) “Tanpa Parti Komunis, China Akan Bagaimana Jadinya?”**

Pada ketika PKC melangkah menuju kemerosotan, orang-orang di luar dugaan mendapati bahawa, PKC yang dirasuki roh jahat selama berpuluh-puluh tahun ini, dengan bergantung kepada taktik-taktik gengster yang berubah-ubah seribu satu macam, telah menyuntikkan unsur-unsur kejahatan Parti Komunis ke dalam pelbagai aspek kehidupan rakyat.

Dulu pada saat kematian Mao Zedong, betapa banyak orang yang menangis tersedu-sedan di hadapan potret Mao Zedong, dengan berulang kali menyebut suatu ayat: “Tanpa Mao Zedong, China akan bagaimana jadinya?” Yang olok-oloknya, kini setelah dua puluh tahun berlalu, di saat Parti Komunis kehilangan keabsahan dalam kekuasaannya, propaganda baru media PKC dengan sinisnya kembali membuat orang-orang mengkhawatiri bahawa “Tanpa parti komunis, China akan bagaimana jadinya?”.

Pada kenyataan, cara penguasaan PKC yang merambah ke dalam segala aspek kehidupan, membuat kebudayaan Cina, cara pemikiran masyarakat China, bahkan kriteria untuk menilai PKC, semuanya telah dibubuhi cap tanda PKC, malahan semuanya seperangkat daripada PKC. Jika dikatakan bahawa dahulu PKC bergantung kepada indoktrinasi untuk menguasai fikiran orang-orang, maka sekarang adalah merupakan masanya PKC menuaikan hasilnya. Disebabkan benda-benda yang diindoktrinasi itu telah dicerna, telah berubah menjadi sel diri mereka sendiri, maka orang-orang dengan sendirinya akan berfikir mengikut logik PKC, dan menilai betul atau salah dalam suatu perkara dengan berpijak di atas sudut pandang PKC. Perihal penembakan dalam peristiwa Tiananmen 4 Jun 1989, ada yang berkata, “Jika saya ialah Deng Xiaoping, saya juga akan menindas mahasiswa dengan menggunakan tank”. Perihal penindasan terhadap Falun Gong, ada yang berkata, “Jika saya ialah Jiang Zemin, saya juga akan melenyapkannya habis-habisan”. Perihal larangan terhadap kebebasan bersuara, ada yang mengatakan, “Jika saya ialah PKC, saya juga akan berbuat demikian”. Kebenaran dan suara nurani telah lenyap, yang tertinggal hanya logik PKC. Ini adalah salah satu taktik yang paling kejam dan paling berbahaya daripada watak dasar gengster jahat PKC. Asalkan dalam benak fikiran orang-orang masih tertinggal unsur-unsur racun PKC yang semacam ini, maka PKC akan dapat mempertahankan riwayat gengsternya dengan menyerap tenaga daripada unsur-unsur tersebut.

“Tanpa Parti Komunis, China akan bagaimana jadinya?” Cara pemikiran yang sedemikian, tepat-tepat ialah sesuatu yang diimpi-impikan oleh PKC, agar orang-orang memikirkan persoalan dengan menggunakan logik PKC.

Bangsa Cina sejak dulu dalam keadaan tanpa PKC telah melewati sejarah peradaban yang panjang selama lima ribu tahun. Juga tidak ada mana-mana jua masyarakat pun di atas dunia ini yang berhenti berderap langkah majunya hanya disebabkan keruntuhan suatu regim atau dinasti. Namun orang-orang yang telah mengalami penguasaan PKC selama berpuluh-puluh tahun, sudah berasa kaku terhadap perkara-perkara tersebut. Propaganda PKC yang berterusan, dan pendidikan yang mengumpamakan parti sebagai ibunda, strategi politik PKC yang menyusup ke dalam segala-gala bidang, membuatkan orang-orang sudah tidak dapat terfikirkan lagi, seandainya tiada PKC, bagaimana harus terus hidup.

Setelah ketiadaan Mao Zedong, negara China tidak roboh; tiadanya PKC, apakah China akan runtuh?

### **(iii) Siapakah Sumber Kekacauan Yang Sebenarnya?**

Banyak orang sangat memahami dan meluat terhadap tindak-tanduk kejahatan PKC, dan muak terhadap seperangkat benda komunisme yang menganiayai orang dan membohongi orang. Tetapi rakyat jelata telah dibuat takut oleh kempen politik dan kekacauan yang dicituskan oleh PKC, mereka takut China akan menjadi kacau-bilau. Begitupun PKC menggunakan nama “kekacauan” untuk mengancam rakyat, orang-orang disebabkan tidak berdaya terhadap kekuasaan PKC, seringkali hanya boleh mengeyakan sahaja terhadap pemerintahan PKC.

Pada hakikatnya, PKC yang memiliki beberapa juta pasukan tentera dan polis, barulah merupakan sumber “kekacauan” yang sebenarnya di negara China. Rakyat tidak mempunyai sebab untuk berbuat “kekacauan”, lebih-lebih lagi apatah layak untuk berbuat “kekacauan”. Hanya PKC yang bergerak melawan arus sejarah yang mengheret negara ke dalam kekacauan. Semboyan seperti “Kestabilan lebih penting daripada segala-galanya”, “Melenyapkan segala-gala unsur yang tidak stabil dalam keadaan bertunas lagi”, telah menjadi dasar teori PKC untuk menindas rakyat. Siapakah yang merupakan faktor ketidakstabilan yang terbesar di negara China? Tepat sekali ialah PKC yang mempraktikkan pemerintahan kezaliman. PKC yang menggerakkan kekacauan, sebaliknya menggunakan “kekacauan” untuk mengancam rakyat, perbuatan gengster sejak dari dulu lagi memang begini.

## **II. Perkembangan Ekonomi Menjadi Barang Semahan PKC**

### **(i) Merampas Kejayaan Rakyat Yang Dicapai Daripada Berkerja Jerih Payah**

“Keabsahan” yang diakui PKC sendiri ialah perkembangan ekonomi dalam 20 tahun belakangan ini. Pada hakikatnya, perkembangan ekonomi tepat-tepat adalah dibangunkan sedikit demi sedikit oleh rakyat China setelah mereka diberikan sedikit kelonggaran daripada ikatan PKC, langsung tidak ada hubungan sedikit pun dengan PKC. Namun begitu, PKC bahkan mempropagandakannya sebagai jasanya, dan mengkehendaki rakyat berterima kasih kepadanya, seolah-olah tanpa PKC, semua ini tidak bakal ada. Semua orang tahu, di banyak negara lain yang tanpa parti komunis, rakyatnya telah memiliki segala-gala yang lebih baik daripada kesemua ini lebih awal lagi.

Setelah meraih pingat emas dalam Olimpik, atlet-atlet China diwajibkan untuk berterima kasih kepada parti. Parti sendiri lebih-lebih lagi memanfaatkan sepenuhnya mahkota palsu “negara besar dalam sukan” ini untuk dijadikan sebagai modal bagi menyanjung kepimpinan parti yang bijaksana. Penyakit “SARS” cukup membawa kesusahan kepada negara China, namun akhirnya dikatakan bahawa: “Berkat teori dasar, garis dasar, prinsip dasar dan pengalaman dasar parti” baru dapat memerangi virus penyakit (sumber daripada Harian Rakyat). Pesawat angkasa “Shenzhou-V” yang dilancarkan dan mengorbit ke angkasa, semestinya merupakan sumbangan daripada pakar-pakar sains dan teknologi dalam astronomi, namun dijadikan PKC sebagai bukti bahawa hanya dengan kepimpinannya baru dapat menyarat masuk rakyat China ke dalam kedudukan negara kuat di dunia. Malahan dalam perkara China menjadi tuan rumah bagi Sukan Olimpik tahun 2008, yang sesungguhnya merupakan galakan daripada negara Barat agar PKC memperbaiki keadaan hak asasi manusia dalam China, PKC bahkan menggunakannya untuk mempertingkatkan “keabsahannya”, serta dijadikan dalih untuk menindas rakyat secara besar-besaran. “Potensi pasaran besar” yang tampak indah dalam pandangan orang-orang asing, pada asalnya ialah daya penggunaan 1.3 billion rakyat China, tetapi PKC menjadikannya sebagai milik sendiri, bahkan menjadikannya sebagai senjata ampuh untuk mengugut pihak Barat agar bekerjasama dengan kekuasaan PKC.

Setiap perkara buruk mesti selalunya dikatakan ialah perbuatan reaksionis dan orang-orang yang bermotif, sedangkan peristiwa baik selalu dikatakan sebagai hasil yang baru akan tercapai berkat kepimpinan parti. Bagi sebarang pencapaian, PKC akan mengambilnya untuk mendandani diri bagi “keabsahan” kepimpinannya. Bahkan dalam beberapa perkara buruk, PKC pun boleh mengubah perkara yang buruk menjadi perkara yang baik untuk berkhidmat bagi keperluan dirinya. Misalnya, dalam keadaan yang PKC sudah tidak lagi dapat menutupi fakta kenyataan dalam perebakan penyakit AIDS yang beritanya selama ini disekat dengan ketat, PKC dengan cepat berubah wajah, terus mengaturkan dengan teliti dan mengerahkan pasukannya yang terdiri daripada pelakon terkenal sehinggalah ke setiausaha agung parti untuk melakukan propagandanya, dengan segera PKC yang merupakan penjenayah dosa yang sebenar menyamar diri menjadi pembawa khabar gembira bagi penderita penyakit, penentang penyakit AIDS, pencabar bagi penyakit manusia. Perkara yang begitu besar yang meragut nyawa manusia, PKC hanya berfikirkan untuk memanfaatkannya bagi mendandani dirinya. Perbuatan yang merampas pencapaian orang, dan tidak mempedulikan soal hidup mati manusia, hanya dapat dilakukan oleh gengster seperti PKC ini.

### **(ii) Keburukan Ekonomi Yang Diakibatkan Perbuatan Penglihatan Cetek**

Menghadapi “krisis keabsahan” yang serius, PKC telah menjalankan reformasi ekonomi dan keterbukaan demi mempertahankan kekuasaannya. Perbuatan yang mengejar hasil dan keuntungan di depan mata, telah membuat China terjerumus ke dalam keburukan ekonomi, yang diberikan istilah oleh pakar ekonomi sebagai “sumpahan kepada pelewat” (curse of the latecomer).

Konsep “sumpahan kepada pelewat”, atau “kebaikan pembangunan yang lewat” adalah mengacu kepada kenyataan bahawa negara mundur yang pembangunannya lebih lambat, banyak benda boleh mencontohi dan meniru negara-negara maju. Peniruan tersebut ada dua bentuk, satu adalah mencontohi sistemnya, dan satu lagi adalah mencontohi teknologi dan pola perindustriannya. Mencontohi sistem lebih sukar untuk dilakukan, kerana reformasi terhadap sistem akan menggugat sejumlah kepentingan yang sedia ada, oleh sebab itu, negara mundur selalunya akan cenderung kepada pemindahan dan peniruan teknologi. Pemindahan teknologi walaupun dalam waktu terdekat dapat melihat hasil perkembangannya, namun akan meninggalkan banyak kesan risiko bahaya yang terselubung dalam perkembangan jangka masa panjang, bahkan akan mengakibatkan kegagalan dalam perkembangan jangka panjang.

PKC tepat-tepat sedang menempuh jalan gagal “sumpahan kepada pelewat” ini. Selama 20 tahun lebih ini, “peniruan teknologi” telah memperoleh sedikit keberhasilan, PKC lalu menjadikan keberhasilan tersebut sebagai modal untuk membuktikan kepada rakyat akan “keabsahan” kekuasaannya. Dengan demikian sederhana lagi menyekat reformasi dalam sistem politik yang menggugat kepentingan PKC sendiri, PKC lebih rela untuk mengorbankan kepentingan bangsa dalam perkembangan jangka panjang.

### **(iii) Pembangunan Ekonomi PKC Yang Dibayar dengan Harga Pahit**

PKC selalu membesar-besarkan dirinya ke atas kemajuan ekonomi negara yang diraihnya, pada hakikatnya kedudukan ekonomi China di dunia masih tidak sebaik berbanding dengan masa pemerintahan Qian Long (1711- 1799) dalam Dinasti Qing. Pada masa Qian Long, total Nilai Pengeluaran dalam Negara (GDP) China mencakup 51% daripada GDP seluruh dunia. Pada awal Dr. Sun Zhong Shan (Sun Yat-sen) membentuk negara republik, nilai GDP China mencakupi 27 peratus daripada GDP seluruh dunia, pada tahun 1923, GDP masih mencapai 12 peratus, namun, apabila PKC mendirikan kekuasaannya, GDP China hanya mencakup 5.7 peratus daripada GDP seluruh dunia; dan sehinggalah tahun 2003, GDP China bahkan tidak dapat mencapai 4 peratus daripada GDP seluruh dunia. Berbeza dengan kemerosotan ekonomi pada masa pemerintahan kerajaan KMT yang dipicu oleh peperangan selama berpuluh-puluh tahun, kemerosotan ekonomi PKC pada dasarnya berlaku dalam masa yang “aman damai”.

Kini PKC demi memperoleh keabsahan kekuasaannya, telah melakukan reformasi ekonomi yang mengejar hasil dan keuntungan di depan mata, dan demi mempertahankan kepentingan kumpulan partinya di atas segala-galanya, telah membuat negara membayar dengan harga pengorbanan yang pahit. Pertumbuhan pesat ekonomi selama 20 tahun lebih kebanyakan adalah dibangunkan atas asas pengeksploitasian sumber material yang berlebihan, bahkan pemborosan, dengan mengorbankan alam persekitaran sebagai bayarnya. Sebahagian yang cukup besar dalam angka GDP China adalah diperoleh dengan mengorbankan peluang generasi akan datang. Pada 2003, total penyumbangan ekonomi China kepada dunia pun tidak sampai 4 peratus, namun penggunaan material besi waja, simen dan lain-lainnya bahkan mencakupi sepertiga daripada keperluan seluruh dunia [3] (Laporan Agensi Berita Xin Hua, 4 Mac 2004).

Dari 1980-an sampai akhir 1990, keluasan tanah yang berubah menjadi pasir tandus di China bertambah pada setiap tahun, daripada lebih 1,000 kilometer persegi menjadi 2,460 kilometer persegi.

Pada 1980, kawasan cecuk tanam di China secara puratanya adalah hampir 2 Mu [4] bagi setiap orang, tahun 2003 berkurang sehingga 1.43 Mu, semasa kempen “penyitaan tanah” secara besar-besaran dalam beberapa tahun belakangan ini, kawasan cecuk tanam di seluruh negeri telah berkurang sebanyak 100 juta Mu, namun tanah yang disita hanya 43% daripadanya yang dipakai. Dewasa ini total kuantiti pembuangan air kumbahan di China adalah sebanyak 43.95 billion ton, melebihi daya penampungan alam sekitar sebanyak 82%. Sistem pengairan bagi tujuh sungai utama yang tidak sesuai untuk diminum bagi manusia dan haiwan ternakan mencapai 40.9%, sedangkan 75% danau dan kolam munculnya fenomena nutrisasi (eutrophication) dalam tahap yang berbeza. [5] Konflik orang China terhadap alam sekitar sejak dari dahulunya tidak pernah menonjol seperti sekarang. Dengan perkembangan yang semacam ini, negara China bahkan seluruh dunia pun tidak dapat menanggungnya (Laporan Agensi Berita Xin Hua, 29 Februari 2004). Orang-orang yang mabuk terpesona dengan bangunan mewah yang berada di depan mata, mungkin sama sekali tidak tahu akan krisis ekosistem yang semakin dekat menghampiri. Namun apabila tiba masanya alam semulajadi mahu membalasnya kepada umat manusia, pukulan terhadap bangsa Cina akan menjadi suatu malapetaka.

Berbanding dengan Rusia yang telah meninggalkan komunisme, reformasi ekonomi dan reformasi politik dilakukan secara serentak, dan setelah mengalami penderitaan dalam jangka masa yang pendek, sudah mulai melangkah menuju ke jalan perkembangan yang pesat. Daripada tahun 1999 hingga 2003, GDP Rusia meningkat sebanyak 29.9%, taraf hidup penduduk meningkat secara nyata. Kalangan perniagaan barat bukan sahaja mulai membincangkan tentang “fenomena ekonomi Rusia”, bahkan juga mulai melabur secara besar-besaran ke dalam Rusia, yang merupakan ladang baru yang popular bagi pelaburan. Kedudukan Rusia sebagai negara yang paling mempunyai daya tarikan bagi pelaburan meningkat daripada ke-17 pada 2002 menjadi ke-8 pada 2003, pertama kalinya masuk ke dalam kedudukan sepuluh paling atas dalam negara pelaburan yang paling diminati di dunia.

Sehinggalah negara India yang dalam tanggapan bagi kebanyakan orang China adalah merupakan negara yang miskin dan mundur, serta selalunya terjadinya konflik antara suku kaum, namun setelah menjalani reformasi

ekonomi sejak 1991, perkembangannya adalah pesat secara nyata, pertumbuhan ekonomi setiap tahun meningkat mencapai 7 hingga 8 peratus. India memiliki sistem perundangan ekonomi pasaran yang lebih sempurna, sistem kewangan yang sihat, sistem demokrasi yang lebih matang, keadaan mentaliti masyarakat yang stabil, dan dianggap masyarakat antarabangsa secara umumnya sebagai suatu negara yang memiliki potensi perkembangan yang besar.

Sebaliknya, PKC hanya menjalani reformasi ekonomi, dan tidak menjalani reformasi politik, di bawah imej maya kemakmuran ekonomi dalam jangka pendek, menghalang “evolusi dalam sistem sosial” yang merupakan pilihan semulajadi. Reformasi yang tidak menyeluruh dan di tengah-tengah jalan ini, menyebabkan ketidakseimbangan masyarakat China menjadi semakin serius, dan konflik sosial semakin meruncing, perkembangan yang diraihkan oleh rakyat sekarang tidak mempunyai apa-apa pun jaminan bagi sebarang sistem. Golongan pemegang kuasa dalam PKC bahkan memanfaatkan kekuasaan di tangannya untuk mengaut keuntungan dalam proses penswastan aset milik negara.

#### **(iv) Penipuan dan pemerasan berkali-kali terhadap kaum petani oleh PKC**

Kuasa PKC didirikan dengan bergantung kepada kaum petani. Rakyat jelata di daerah pedesaan yang berada di kawasan kawalan PKC pada peringkat permulaan pembinaan PKC, telah mengorbankan segala-galanya demi PKC. Namun, setelah PKC merampas kekuasaan, kaum petani bahkan sebaliknya mengalami diskriminasi yang serius.

Selepas mendirikan pemerintahan, PKC telah menetapkan sistem yang sangat tidak adil, iaitu sistem pendaftaran penduduk. Sistem ini secara paksa mengklasifikasikan penduduk kepada “populasi pertanian” dan “populasi bukan pertanian”, dengan tidak wajar telah menciptakan perpecahan dan pertentangan antara dua kutub dalam suatu negara. Kaum petani tidak mempunyai insuran perubatan, tidak ada bantuan kebajikan bagi pengangguran, tidak ada duit pencen, dan tidak dibenarkan untuk mengambil pinjaman daripada bank. Petani ialah kelas yang paling miskin di China, namun juga merupakan kelas yang paling berat dibebani cukai. Golongan petani diwajibkan untuk membayar dana simpanan umum, dana kebajikan umum, dana pentadbiran, dana perbelanjaan pendidikan tambahan, dana perbelanjaan perancangan kelahiran, dana perbelanjaan pembangunan dan latihan militan rakyat, dana perbelanjaan pembangunan dan pembaikpulihan jalan-jalan di desa. Di samping itu golongan petani masih harus menyerahkan hasil tuaian, cukai pertanian, cukai tanah, cukai produk khusus, cukai penyembelihan ternakan, dan levi-levi yang lain. Sedangkan mereka yang diklasifikasikan sebagai “populasi bukan pertanian” tidak perlu untuk menanggung kesemua cukai dan dana perbelanjaan seperti ini.

Pada awal 2004, Perdana Menteri China Wen Jia Bao telah mengutarakan “Dokumen No. 1”, dan telah menyingkapkan bahawa waktu kini merupakan masa yang paling krisis yang dihadapi kaum petani China semenjak reformasi ekonomi dan keterbukaan pada tahun 1978. Di daerah pedesaan China, pendapatan bagi majoriti petani mengalami kemerosotan dan pengurangan, dan menjadi semakin miskin, serta jurang pendapatan antara penduduk bandar dengan penduduk di pedesaan terus bertambah secara berterusan.

Di suatu perusahaan kehutanan di bahagian Timur daerah Sizhuan, pihak atasan mengagihkan dana 500 ribu yuan bagi projek penghutan semula. Ketua perusahaan kehutanan pertamanya menelan 200 ribu yuan untuk diri sendiri, bakinya 300 ribu yuan baru diagihkan kepada bawahan. Dana tersebut digelapkan satu peringkat demi satu peringkat, dan wang yang tertinggal tidak seberapa itu akhirnya diagihkan sampai kepada petani-petani setempat yang benar-benar mengerjakan kerja-kerja penghutan semula. Kerajaan tidak perlu mengkhawatiri golongan petani akan menolak untuk menanam pepohon disebabkan upahnya terlalu sedikit, kerana mereka sudah terlampau miskin, sekalipun dengan upah yang lagi rendah, petani-petani juga pasti akan pergi untuk mengerjakannya. Barang-barang yang “dibuat di China” boleh menjadi begitu murah, juga adalah demikian sebabnya.

## **(v) Menggunakan Kepentingan Ekonomi untuk Menekan Dan Mengugut Negara Barat**

Banyak orang beranggapan hubungan perdagangan dapat meningkatkan lagi keadaan hak asasi manusia, kebebasan bersuara dan reformasi bagi demokrasi di China. Namun dengan berlalunya belasan tahun, terbukti semua itu hanyalah merupakan mimpi dan angan-angan kosong daripada satu pihak. Contoh yang paling tipikal ialah prinsip berniaga, ciri keadilan dan nyata serta jelas daripada pihak Barat telah berubah menjadi hubungan nepotisme, perbuatan sogok-menyogok, rasuah dan penggelapan di China. Banyak perusahaan besar daripada Barat telah menjadi pelopor utama yang mendorong arus bagi tumbuhnya penggelapan di China, bahkan ada yang menjadi badan pelindung bagi PKC untuk mencabuli hak asasi manusia dan menindas rakyat.

Berkelakuan seperti Mafia, PKC memainkan kad ekonomi adalah petunjuk taktik gangster PKC dalam diplomatik. Pesanan dan kontrak pesawat terbang China diberikan sama ada kepada Perancis atau Amerika Syarikat, semua itu bergantung kepada negara manakah yang berdiam diri dalam aspek hak asasi manusia China. Kepentingan ekonomi China telah mengawal ketat dan memandu golongan pedagang Barat dan ahli-ahli politik dalam jumlah yang bukan sedikit. Sejumlah perusahaan jaringan internet di Amerika Syarikat Utara membekalkan produk khusus bagi PKC untuk menyekat kebebasan internet; ada sebahagian laman web demi dapat memijakkan kakinya di China, secara automatik “mendisiplinkan diri”, menyuling maklumat yang tidak disukai oleh PKC.

Menurut statistik daripada Kementerian Perdagangan China, sehingga akhir April 2004, jumlah pelaburan modal asing dalam pelbagai kontrak di China adalah sebanyak US \$990 billion. Modal asing telah berfungsi sebagai transfusi darah secara besar-besaran bagi ekonomi PKC. Sedangkan dalam proses transfusi darah tersebut, modal asing tidak ada membawakan konsep demokrasi, kebebasan dan hak asasi manusia sebagai prinsip asasnya kepada rakyat China. Kerjasama “tanpa syarat” yang diberikan pedagang asing dan kerajaan asing, serta pengampuan yang dilakukan sebahagian negara yang ingin mengambil hati PKC, bahkan telah menjadi suatu propaganda bagi modal pemerintahan PKC. Di bawah topeng luaran kemakmuran ekonomi, perlakuan pegawai kerajaan dan pedagang bersekongkol, membahagi-bagi harta negara, dan menghalang reformasi politik, telah mencapai pada kemuncaknya.

### **III. Teknik Mencuci Otak PKC daripada “Terang-terang” Menuju kepada “Halus Mulus”**

Sering kedengaran orang-orang yang berkata sedemikian: “Saya tahu PKC dahulunya selalu berbohong, tetapi kali ini apa yang dikatakan PKC itu memang benar”. Dengan sinis sekali, jika waktu diputar balik, di saat-saat PKC melakukan kesalahan besar yang banyak sekali dalam sejarah, orang-orang juga berkata dalam corak sedemikian. Ini merupakan kemampuan berbohong PKC yang ditempatkan selama berpuluh-puluh tahun untuk menipu rakyat.

Disebabkan rakyat telah mula mempunyai sedikit daya imunitas terhadap cerita pembohongan PKC, maka propaganda kebohongan PKC juga beralih kepada jalur yang “halus mulus” dan “profesional”. Propaganda kebohongan yang dahulunya bercorakkan slogan berubah “selangkah demi selangkah” dan “menjadi halus mulus”, terutama sekali di bawah penyekatan maklumat, PKC menggunakan kebohongan yang berlandaskan “fakta” daripada sepihak semata-mata, mengarahkan masyarakat kepada suatu pentafsiran yang silap. Bahaya yang ditimbulkannya lebih menyesatkan dan membingungkan daripada cerita kebohongan.

Majalah berbahasa inggeris “China Scope” pada Oktober 2004 telah memuatkan suatu artikel contoh kes, yang menganalisa bagaimana kini PKC menggunakan cara yang lebih “halus mulus” untuk mengarang kebohongan dan menutupi kebenaran. Pada tahun 2003 pada ketika penyakit SARS merebak di Tanah Besar China, pihak luar umumnya mencurigai PKC menyembunyikan keadaan wabak penyakit, namun PKC berkali-kali menyangkalnya. Untuk memahami sama ada laporan PKC terhadap penyakit SARS itu bersifat objektif ataupun tidak, penulis artikel itu telah membaca seluruh laporan daripada laman web Xinhua semenjak dari awal tahun sehingga April 2003 iaitu sebanyak lebih 400 artikel.



Daripada laporan-laporan tersebut, dia telah memahami bahawa “Apabila munculnya penyakit SARS, pakar-pakar perubatan daripada pusat mahupun daerah segera memberikan diagnosis dan perubatan, dan pesakit telah pulih dan keluar daripada hospital”; “Orang jahat menyebarkan khabar angin bahawa orang ramai bergegas membeli dan menyimpan barang-barang seharian, dan kerajaan telah menyangkal tuduhan tersebut dan membongkar kepalsuan desas-sesus, memastikan ketertiban kehidupan rakyat jelata terjamin”; “Segelintir kecil kekuatan anti-China di luar negeri dengan tanpa asas mencurigai kerajaan China menyembunyikan keadaan sebenar, akan tetapi majoriti negara dan rakyat di dunia tidak akan mempercayai mereka.”; “Guangzhou Trade Fair akan mempunyai penyertaan daripada bidang perniagaan yang terbesar dalam sejarah.”; “Pegawai pelancongan memberikan jaminan dengan mengatakan melancong di China adalah selamat.”; terutamanya pakar-pakar daripada WHO (yang ditipu dan dikelabui PKC) juga tampil mengatakan “PKC berkoordinasi dengan baik, mengambil tindakan yang tepat, tidak ada masalah.”; “Pakar-pakar (yang tertunda selama 20 hari lebih) masih diizinkan pergi ke daerah Guangdong untuk menjalankan penyelidikan secara terbuka.” Setelah selesai membaca 400 lebih laporan tersebut, penulis artikel itu merasa PKC dalam waktu empat bulan tersebut adalah sangat jelas dan nyata, dan bertanggungjawab mutlak terhadap kesihatan rakyat, bagaimana mungkin untuk menyembunyikan suatu berita? Menyusul kemudian, tanggal 20 April 2004, Jabatan Penerangan Dewan Negara mengadakan persidangan akhbar, mengumumkan bahawa penyakit SARS telah meledak secara menyeluruh di China, bertukar wajah mengakui yang selama ini menyembunyikan keadaan wabak penyakit. Penulis itu barulah memahami kebenarannya, betul-betul telah menyaksikan dengan sendirinya taktik penipuan gengster PKC yang “maju seiring waktu”.

Dalam hal pilihanraya di Taiwan, PKC juga menggunakan cara “selangkah demi selangkah” dan “mengarahkan dengan teliti dan bersungguh-sungguh” untuk memberi isyarat kepada rakyat, bahawa pemilihan presiden itu akan mengakibatkan: kes bunuh diri akan melambung tinggi, pasaran saham akan runtuh hancur, “penyakit aneh” akan bertambah banyak, penyakit mental akan muncul, penduduk akan berhijrah, anggota keluarga akan bermusuhan, hidup akan menjadi pesimis, pasaran perdagangan akan sepi, kekacauan akan berlaku di tengah-tengah jalan, juga pertikaian dan protes, pengepungan istana presiden, dunia kacau-bilau, sandiwara politik, dan lain-lain. Hari demi hari berita bayangan kekacauan ini diindoktrinasi kepada rakyat umum di Tanah Besar, agar rakyat membuat kesimpulan dengan hasil pemikirannya sendiri bahawa “semua itu adalah malapetaka yang dicetuskan oleh pilihanraya”, dan “kita jangan sekali-kali mengadakan pilihanraya demokrasi”.

Dalam soal Falun Gong, taktik PKC bagi menfitnah Falun Gong lebih-lebih lagi telah mempamerkan standard penipuannya. Segala-galanya dilakukan dengan begitu benar sekali dan dipentaskan satu drama demi satu drama, menyebabkan ramai rakyat tidak dapat untuk tidak mempercayainya. Cara gengsterime PKC dalam menipu orang, telah dapat membuat orang yang ditipu mempercayai kebohongan PKC dengan sukarela, orang yang ditipu malahan menganggap kebenaran berada dalam genggamannya sendiri.

Dalam berpuluh-puluh tahun lalu, kearifan PKC dalam berbohong dan melakukan propaganda cuci otak telah berubah menjadi semakin “halus mulus” dan “mikroskopik”, sesungguhnya ialah perkembangan semulajadi daripada watak dasar gengsternya.

#### **IV. Kepalsuan Hak Asasi PKC**

##### **(i) Bermula daripada Memperdebatkan Demokrasi bagi Merampas Kuasa sehingga Pemerintahan Diktator dan Kepalsuan Hak Asasi Manusia**

“Dalam sebuah negara yang demokratik, kuasa seharusnya berada di tangan rakyat, ini sesungguhnya sudah menjadi sesuatu yang sememangnya wajar. Sekiranya sesuatu negara yang dikatakan sebagai negara demokratik, namun kuasa tidak berada di tangan rakyat, maka itu mutlaknya bukan jejak yang betul, dan maka dikira suatu penyimpangan, mutlaknya bukan negara yang demokratik. Tidak menamatkan kekuasaan parti, dan tidak

melaksanakan pilihanraya umum, bagaimana dapat untuk merealisasikan demokrasi? Serahkan kembali hak kuasa rakyat ke tangan rakyat!”

Anda mungkin menganggap bahawa petikan ini ialah suatu kenyataan yang dibuat oleh kekuatan “musuh asing” yang bertujuan untuk mengkritik habis-habisan PKC. Anda telah salah --kenyataan di atas berasal daripada agen media PKC “Berita Harian Xinhua” pada 27 September 1945.

PKC yang mengumandangkan “pilihanraya umum”, menuntut untuk “menyerahkan kembali hak kuasa rakyat ke tangan rakyat”, namun setelah merampas kekuasaan, bahkan soal kata “pilihanraya umum” pun telah menjadi suatu larangan. Rakyat jelata yang disebut-sebutkan sebagai “tuan dalam negara sendiri” tetap jua tidak mempunyai hak untuk membuat sebarang keputusan. Perlakuan yang sedemikian, sebutan “gangster” pun tidak cukup untuk memperihalkan tampang PKC.

Apabila anda menganggap bahawa bagaimanapun juga peristiwa sudah berlalu dan keadaan sudah berubah; PKC sebagai “agama sesat” yang hidup dengan menggunakan pembunuhan dan pembohongan kini akan dapat berubah menjadi baik, mereka akan “menyerahkan kekuasaan rakyat ke tangan rakyat”, maka anda silap sekali lagi. Mari kita lihat apa yang dikatakan oleh lembaga media yang menjadi pemipit PKC, “Harian Rakyat” sekarang, setelah 60 tahun berlalu:

“Memegang teguh kuasa dominan ideologi, adalah keperluan asas untuk memperkukuhkan dasar ideologi dan dasar politik daripada kekuasaan parti.” (23 November 2004, halaman 9)

“Doktrin Tiga Tanpa” yang dilontarkan baru-baru ini oleh PKC, urutan pertamanya adalah “berkembang tanpa perdebatan”. Yang disebut “berkembang” adalah palsu, tujuan sebenarnya daripada PKC adalah penekanan pada “tanpa perdebatan” yang “bersuara tunggal”.

Jiang Zemin pernah menerima wawancara daripada CBS. Terhadap pertanyaan daripada pemberita CBS tentang “mengapa China belum juga melaksanakan pilihanraya”, saat itu dia memberi penjelasan: “Kualiti orang Cina sangat rendah”.

Tetapi jauh pada 25 Februari 1939, di “*Harian Xinhua*” PKC menyerukan: “Mereka (Parti Nasionalis) menganggap pelaksanaan politik demokrasi di China bukanlah urusan hari ini, tetapi urusan kelak beberapa tahun lagi. Mereka mengharapkan agar kelas pendidikan dan pengetahuan rakyat China dapat meningkat mencapai seperti kaum borjuis di negara-negara Eropah dan Amerika Syarikat, barulah dilaksanakan politik demokrasi... namun, tepatnya akan lebih mudah mendidik dan melatih rakyat jika diletakkan di bawah sistem demokrasi.”

Perbezaan yang bersifat hipokrit, kepalsuan, antara apa yang dikatakan oleh Xinhua pada tahun 1939 dan apa yang diucapkan oleh Jiang Zemin tahun 2000 merupakan refleksi daripada gambaran hidup daripada tampang kejahatan PKC.

PKC setelah peristiwa 4 Jun (penyembelihan di Tiananmen), dengan menanggung beban berat hak asasi manusia tampil kembali ke panggung dunia. Sejarah telah memberi PKC kesempatan untuk memilih. Pilihan pertama adalah belajar menghormati rakyat, bersungguh-sungguh memulihkan hak asasi manusia. Pilihan kedua adalah meneruskan pelanggaran hak asasi manusia dalam negeri, sedangkan di luar negeri menerapkan hak asasi manusia yang hipokrit, demi menghindari kecaman hebat.

Sangat malang bahawa watak sebenar gangster telah mentakdirkan PKC tanpa ragu-ragu mengambil pilihan kedua. Dengan mengumpulkan dan memelihara sejumlah besar ahli propaganda kebohongan yang melibatkan kalangan ilmu pengetahuan dan kalangan agama, menggembar-gemburkan kemajuan palsu hak asasi manusia PKC; menampal sulam serangkaian hujah yang tak masuk akal tentang “hak untuk makanan”. (Apakah perut lapar menjadikan orang tidak mempunyai hak untuk bersuara? Kalau memang melarang orang yang kelaparan

bersuara, apakah orang yang perutnya kenyang juga tidak boleh mewakili orang yang kelaparan bersuara?) Serta tiada habisnya mempermainkan tipu muslihat masalah hak asasi manusia, mengelabui rakyat China dan negara demokrasi Barat, bertindak begitu jauh sampai mengheboh-hebohkan dirinya, “pada ketika ini adalah waktu terbaik hak asasi manusia di China”.

Fasal ke-35 Undang-Undang Dasar PKC menetapkan: Warganegara Republik Rakyat China mempunyai kebebasan dalam menyatakan pendapat, menerbit, berkumpul, berarak dan melakukan tunjuk perasaan. Semua ini nyata-nyata ialah permainan perkataan daripada PKC. Di bawah kekuasaan PKC, berapa banyak orang yang telah dirampas haknya untuk menganut kepercayaan, menyatakan pendapat, menerbit, berkumpul dan membela diri. PKC bahkan menetapkan tindakan kelompok tertentu yang mengajukan pendapat sebagai perbuatan tidak sah. Sejak tahun 2004, sejumlah kumpulan telah beberapa kali mengajukan permohonan untuk mengadakan perarakan tunjuk perasaan di Beijing, pemerintah bukan saja tidak memberikan izin, malah menangkap orang yang mengajukan permohonan tersebut. Bahkan Hong Kong yang ditetapkan oleh Undang-Undang Dasar PKC sebagai “Satu negara dengan dua sistem” juga merupakan tipu daya. Omong-omong kosong tentang 50 tahun tidak berubah, baru 5 tahun berlalu dua sistem sudah dicuba untuk diubah menjadi satu sistem melalui artikel 23 yang zalim.

Menggunakan kewujudan palsu “kelonggaran menyatakan pendapat” untuk menutup-nutupi hakikat pengawasan dan pengawasan adalah suatu taktik gangster yang baru daripada PKC. Kelihatannya orang-orang di daratan China pada masa ini mempunyai kelonggaran lebih besar dalam bersuara, munculnya jaringan internet membuat berita-berita tersebar lebih cepat. Maka, PKC kemudian mempropagandakannya sebagai kebebasan mengemukakan pendapat, banyak rakyat pula juga menganggap demikian. Ini adalah suatu fenomena yang palsu semata-mata. Bukannya PKC yang berubah menjadi murah hati, tetapi lebih merupakan perkembangan masyarakat dan kemajuan teknologi yang membuat PKC tidak mampu mengekangannya. Dilihat daripada peranan yang dimainkan PKC dalam jaringan internet, tindakan menyekat, menapis, mengawasi, mengawal dan menghukum adalah mutlak tindakan melawan arus peredaran. Sampai hari ini, dengan bantuan sebilangan kapitalis yang melanggar ketulusan mulia hak asasi manusia, peralatan teknologi pemantau internet pun dipasang pada kenderaan polis patrol bergerak PKC. Di tengah-tengah arus besar globalisasi kebebasan demokrasi, PKC secara terbuka melakukan kejahatan di hadapan umum, bagaimanakah mungkin akan mempunyai kemajuan dalam bidang hak asasi manusia, bahkan dia sendiri pun mengatakan “longgar di luar ketat di dalam”, watak hakiki gangster daripada PKC pada dasarnya tidak ada perubahan apa-apa pun.

Untuk memperoleh air muka dalam persidangan hak asasi manusia PBB pada 2004, PKC telah menjatuhkan hukuman berat pada serangkaian pelanggar hak asasi manusia. Namun itu, semua itu dilakukan untuk diperlihatkan kepada dunia luar, sama sekali tidak membawa kesan secara hakiki. Ini adalah kerana pelanggaran hak asasi manusia yang paling serious di China justeru dilakukan oleh PKC sendiri berserta bekas setiausaha agungnya, iaitu Jiang Zemin, bekas setiausaha politik dan pendakwa raya Luo Gan, Menteri Keselamatan Umum Zhou Yongkang dan timbalan menteri Liu Qing. Menggunakan orang-orang seperti ini menumpas pelanggaran hak asasi manusia, tak lain adalah merupakan perbuatan pencuri meneriak “tangkap pencuri!”.

Ini dapat dianalogikan dengan seorang perogol bersiri. Dulu secara sembunyi-sembunyi dalam satu hari memperkosakan 10 gadis, tetapi kemudian kerana orang yang lalu lalang semakin banyak, maka dia hanya dapat memperkosa seorang gadis dalam sehari. Dapatkah dikatakan bahawa dia berubah menjadi baik? Dulu pemerkosaan dilakukan secara sembunyi-sembunyi, sekarang dilakukan di hadapan orang lalu lalang, ini justeru menunjukkan perilaku yang lebih bejat lagi dan tidak tahu malu. Sedangkan sifat sebenar si perogol sama sekali tidak berubah, hanya saja keadaan sekeliling tidak memungkinkannya secara berleluasa melakukan perbuatannya.

PKC sama dengan keadaan perogol bersiri tersebut. Watak hakiki kediktatoran PKC, naluri ketakutan akan kehilangan kekuasaan, telah mentakdirkannya untuk tidak menghormati hak rakyat. Upayanya dalam memalsukan hak asasi manusia memerlukan harga yang mahal, jauh melampaui perbelanjaan yang dikeluarkan

untuk benar-benar memperbaiki keadaan hak asasi manusia. Sifat gangster komunis sewenang-wenangnya mencelakakan negara China, ini merupakan kemalangan besar bagi rakyat China.

## **(ii) Memperalat taktik “undang-undang”, “memakai jubah barat” bermain gengster**

Bagi melindungi kepentingan peribadi daripada kelompok eksklusif, di satu pihak PKC melucuti jubah palsunya, secara tuntas meninggalkan kaum petani dan buruh. Di pihak lain pula seiring skandal hak asasi manusia PKC semakin banyak terbongkar ke masyarakat dunia, justeru itu taktik untuk berbohong dan berlawak gangster juga “bergerak maju seiring masa”, PKC bertopeng pada kosa kata “menerapkan hukuman dan undang-undang”, “pasar”, “demi rakyat”, “reformasi” dan pelbagai sebutan popular yang menjejali kekeliruan dan menyesatkan orang. Kebohongan dan cara-cara gengsternya semakin “canggih seiring kemajuan zaman”. Sifat dasar gengster PKC yang memakai kot Barat tidak berubah, lebih berdaya tipu dan menyesatkan dibandingkan dulu ketika masih memakai pakaian China. Dapat diumpamakan sebagai “babi” yang digambarkan dalam buku George Orwell, *Animal Farm* (diutarakan tahun 1945), babi yang telah diajar berjalan menggunakan dua kaki, meskipun sudah tahu berjalan dengan dua kaki telah memberikannya imej dan citra baru, namun sifat “keabiannya” tetap tidak berubah.

### *(1) Menetapkan Berbagai-bagai Peraturan dan Undang-undang yang Melanggar Prinsip Perundangan*

Perkara-perkara ini diperlakukan sebagai “bukti dan sokongan undang-undang” untuk disampaikan kepada para pegawai pelaksana undang-undang pelbagai peringkat, untuk menindas usaha-usaha massa umum yang “anti penindasan, memperjuangkan kebebasan dan membela hak asasi manusia

### *(2) Masalah yang “Bukan politik” Diselesaikan dengan Cara-cara “Politik”*

Masalah sosial umum yang terjadi, dikelaskan menjadi kategori “menyaingi parti memperebutkan massa”, “membinasakan parti dan membinasakan negara”, “kekacauan” dan “kekuatan musuh”. Masalah-masalah sosial yang “bukan politik” ditangani menjadi masalah “politik”, kemudian dengan cara propaganda kempen politik menghasut sentiment massa agar membenci dan berdendam.

### *(3) Masalah “Politik” Diselesaikan dengan Cara-cara “Bukan-politik”*

Menghadapi sebilangan tokoh-tokoh gerakan demokrasi dan intelektual liberal, taktik serangan PKC yang terbaru adalah merancang perangkap, menciptakan pelbagai tuduhan, misalnya dengan menuduh mereka sebagai “mencari pelacur”, “melarikan cukai” dan “kesalahan jenayah” yang lain, untuk menyumbatkan mereka ke dalam penjara. Dengan demikian bukan saja mengelabui orang, tapi juga untuk menghindari daripada kecaman antarabangsa, bahkan lebih-lebih lagi dapat memanfaatkan tuduhan tersebut untuk menghodohkan “pihak terdakwa” dengan memalukan mereka di muka umum.

Sekiranya ingin mengatakan bahawa watak gengster sebenar PKC sudah berubah, tentulah berubah menjadi lebih keji semestinya, menjadi lebih tidak berperikemanusiaan.

## **(iii) Budaya tebusan gaya gengster dengan menculik ratusan juta rakyat**

Jika seorang perompak yang pecah masuk rumah melakukan pemerkosaan dihadapkan ke pengadilan, dia membela diri dengan mengatakan “hanya melakukan pemerkosaan” dan tidak sampai melakukan pembunuhan, antara “pemukosaan” dengan “pembunuhan”, tidakkah “pembunuhan” lebih jahat? Maka, dia harus dibebaskan dengan serta-merta, dan orang ramai hendak memujinya lagi “memperkosakan dengan alasan kukuh”.

Kedengaran kenyataan tersebut sangat tidak masuk akal langsung, tidak logik, tetapi dalam pada itu, pada peristiwa 4 Jun di Lapangan Tiananmen, logik PKC sama dengan logik di atas. Dikatakan bahawa “menindas

mahasiswa” adalah untuk menghindari daripada kemungkinan terjadinya “kekacauan dalam negeri”. Maka, daripada terjadinya “kekacauan dalam negeri”, lebih baik melakukan “penindasan dengan alasan kukuh”.

Si pemerkosa malah berbalik tanya pada hakim, “Mana yang lebih baik, perkosaan atau pembunuhan?” Fenomena ini menandakan apa? Hanya dapat dikatakan bahawa pemerkosa tersebut betul-betul gangster, jahat dan tidak tahu malu. Begitu juga sama dengan peristiwa 4 Jun, PKC dan konco-konconya bukannya menimbangkan apakah perlu mengaku dosa atas pembunuhan tersebut, malah melemparkan pertanyaan kepada masyarakat, “Mana yang lebih baik, penindasan atau kekacauan dalam negeri?”.

PKC telah menguasai seluruh mekanisme negara dan alat propaganda negara. Boleh dikatakan bahawa 1.3 billion rakyat telah menjadi tebusan PKC. Dengan adanya 1.3 billion tebusan di tangan, maka PKC akan selalu menggunakan “teori tebusan”nya itu selalu boleh berkata, jika tidak melakukan penindasan terhadap sebilangan orang, ada kemungkinan akan terjadi kekacauan dalam negeri, akibatnya negara akan terjerumus ke dalam bencana. Dengan dalih semacam ini, maka PKC dapat dengan luasnya melakukan penindasan terhadap sesiapa pun, lagi pula penindasan yang dilakukan selalu “penindasan dengan alasan kukuh”. Pemerkosaan terhadap pandangan rakyat yang sedemikian ini, apakah ada gengster gergasi yang lain yang lebih jahat daripadanya?

#### **(iv) Madu ditambah racun; daripada menganugerahi “kebebasan” sampai penindasan yang makin hebat**

Dibandingkan dulu, sekarang orang-orang umumnya merasakan lebih bebas, dan menaruh harapan besar bahawa PKC akan berubah menjadi baik. Sebenarnya, “anugerah” kebebasan yang diberikan kepada rakyat mempunyai kaitan erat dengan keadaan krisis PKC. Asalkan bermanfaat bagi kepentingan kelompok parti, hal apa-apa pun dapat dilakukan oleh PKC, termasuk juga menganugerahkan sedikit apa yang disebut sebagai demokrasi, kebebasan dan hak asasi manusia.

Tetapi di bawah kekuasaan PKC, anugerah “kebebasan” yang diberikan tidak ada jaminan undang-undang. “Kebebasan” ini adalah ubat bius yang digunakan untuk mengawal rakyat di era globalisasi ini. Dilihat secara dasar, hal ini sangat bertentangan dengan kepentingan autokrasi PKC. Apabila mencapai taraf berlebihan yang tidak dapat ditoleransi oleh PKC, maka dengan segera PKC akan menarik balik segala “kebebasan”. Dalam sejarah PKC, pernah muncul beberapa kali, pada masa yang amat bebas mengemukakan pendapat, akan kemudian pula masuk dalam penguasaan ketat, begitu berulang-ulang, demikianlah watak sebenar gengster PKC.

Pada era internet ini, Apabila anda membuka laman “*Harian Xinhua*” atau “*Harian Rakyat*”, anda dapat melihat memang terdapat bahagian yang seimbang untuk berita-berita negatif. Hal ini disebabkan, pertama, begitu banyak berita buruk, cepatnya penyebaran maklumat dan persaingan bidang akhbar yang ketat, tidak boleh jika tidak disiarkan. Kedua, pemuatan berita ini cocok dengan kepentingan PKC - -“kerugian sedikit membawa keuntungan yang lebih besar.”-- Penyebab terjadinya hal buruk tersebut ditimpakan pada orang-orang tertentu, sama sekali tidak ada hubungan dengan parti, manakala jalan penyelesaiannya harus diarahkan pada “mutlak berdasarkan arahan pimpinan parti”. PKC menentukan semua berita yang akan disiarkan, seberapa jauh boleh disiarkan, apakah melalui media massa dalam negeri atau melalui media massa luar negeri yang condong kepada PKC. Dengan kemahiran yang tinggi “mengubah” berita buruk agar dapat menarik hati rakyat. Banyak pemuda di daratan China merasa bahawa PKC memberi kebebasan dalam menyatakan pendapat, sehingga mereka lebih mencintai dan menaruh harapan besar pada PKC. Ini adalah korban daripada taktik media jahat PKC yang “halus mulus”. Lebih jauh lagi PKC mengacaukan keadaan masyarakat dengan menyebarkan secukupnya berita buruk, yang mana dapat digunakan untuk mengintimidasi rakyat bahawa hanya dengan menggunakan kekuatan kekuasaan PKC barulah situasi dapat dikawalkan, mengugut rakyat selain melindungi kepentingan PKC, tiada jalan yang lain.

Maka, apabila melihat PKC mengeluarkan pelbagai jurus untuk memperbaiki hak asasi, jangan menganggap bahawa PKC telah melepaskan watak lama dan membuka lembaran baru. Ketika merebut kekuasaan daripada tangan Parti Nasionalis, PKC pun tampil dengan wajah sebagai pejuang demokrasi. Watak dasar gengster PKC telah menentukan bahawa segala janji yang diucapkannya tidak dapat dipegang.

## **V. Beragam Tampang Gengster PKC**

### **(i) Menjual tanah negara demi kekayaan dan mengkhianati negara dengan dalih penyatuan bangsa**

“Harus membebaskan Taiwan” dan “Menyatukan Taiwan dengan China Daratan” merupakan slogan propaganda PKC selama beberapa puluh tahun. Dengan propaganda seperti ini, PKC telah mendandani diri seakan-akan nasionalis dan ahli patriotik. Apakah PKC sungguh-sungguh prihatin akan penyatuan kawasan air tanah bangsa? Sama sekali tidak. Kes Taiwan tak lain hanyalah masalah yang ditinggalkan sejarah akibat perbalahan antara PKC dengan Kuomintang (Parti Nasionalis), dan ini merupakan isu yang digunakan PKC untuk menyerang lawan dan menarik simpati rakyat.

Pada masa awal ketika PKC membentuk “Soviet China” di bawah pemerintahan Nasionalis, Fasal 14 daripada perlembagaan menyatakan bahawa “Setiap kelompok etnik minoriti bahkan daerah dalam wilayah China boleh menuntut kemerdekaan”. Demi menunjukkan penyokongan kepada Soviet Union, selanjutnya PKC juga mencetuskan slogan “Lindungi Soviet”. Dalam masa perang anti penjajahan Jepun, tujuan utama PKC adalah memanfaatkan peluang untuk mengembangkan kekuatannya daripada memerangi penjajah Jepun. Pada 1945, Tentera Merah Soviet memasuki wilayah Timur Laut China, dan melakukan perompakan dan pemerkosaan, juga ketika Soviet Union mendukung pemberontakan kemerdekaan yang dilakukan bangsa di pinggir Mongolia, PKC tidak mengutuknya sepetah kata pun.

Pada akhir 1999, PKC dan Rusia menandatangani Kesepakatan Pemetaan Sempadan China – Rusia, di mana PKC menyetujui seluruh isi perjanjian yang tidak adil yang pernah dibuat antara Dinasti Qing dengan Rusia lebih daripada seratus tahun yang lalu, dan telah menjual lebih daripada sejuta kilometer persegi wilayah negara, atau setara dengan belasan kali luas daratan Taiwan kepada Rusia. Pada 2004, PKC dan Rusia telah menandatangani Kesepakatan Tambahan tentang Sempadan Timur China – Rusia, PKC telah menyerahkan kedaulatan atas setengah daripada Pulau Hexiazi di Daerah Heilongjiang kepada Rusia.

Tentang isu-isu perbatasan sempadan yang lain, seperti Kepulauan Nansha dan Pulau Diaoyu, PKC tidak menghiraukan sama sekali, kerana tidak mempengaruhi kekuasaannya. PKC menggembar-gemborkan “Penyatuan Taiwan” sesungguhnya hanyalah untuk dijadikan kabut asap guna mengalihkan konflik dalaman dan membangkitkan patriotisme bangsa dalam permainan gengsternya.

### **(ii) Gengster politik tanpa garis dasar moral**

Suatu pemerintahan harus selalu diawasi. Di negara-negara demokratik, ada pemisahan kekuasaan dalam sistem politiknya, ditambah dengan kebebasan menyuarakan pendapat dan kebebasan akhbar merupakan mekanisme pengawasan yang baik. Kepercayaan agama lebih-lebih telah memberikan pengekangan moral.

PKC mengembangkan atheisme, oleh sebab itu tidak ada sifat-sifat ketuhanan, yang dapat dijadikan pengekangan moral baginya. PKC menjalankan pemerintahan diktator, tidak ada undang-undang yang secara politik mengawasi kekuasaannya. Akibatnya PKC tidak dapat dibendung daripada kejahatan politiknya dan praktik kezalimannya. Lalu bagaimana PKC menjelaskan kepada rakyat siapa yang berfungsi sebagai pengawas baginya? Menurut PKC, parti sendirilah sebagai pengawas bagi dirinya. Slogan seperti inilah yang selalu dihembuskan oleh PKC selama beberapa dekad untuk mengelabui rakyat. Pada awalnya dikenal sebagai “kritik diri sendiri” kemudian sebagai “pengawasan diri sendiri”, lalu sebagai “penyempurnaan pimpinan parti dengan diri sendiri”, sehingga yang baru-baru ini dikenali sebagai “peningkatan kemampuan pemerintahan

parti dengan diri sendirinya”. PKC selalu menekankan bahawa partinya memiliki apa yang disebut kemampuan besar untuk “memperbaiki diri”. PKC tidak hanya mengucapkan di mulut tapi telah melakukan tindakan nyata seperti mendirikan “Suruhanjaya Pusat Pengawasan Disiplin” dan “Pegawai Pengaduan” dan lain-lain yang serupa. Lembaga-lembaga ini sungguh mengelirukan orang namun tidak bermanfaat, bagaikan pasu-pasu bunga yang hanya menarik sebagai hiasan dan mengelabui rakyat.

Tanpa kekangan moral dan hukum undang-undang, “perbaiki diri” PKC hanya dapat seperti pepatah kuno China yang mengatakan bagaikan “syaitan yang muncul daripada hati seseorang”. Sesungguhnya ini hanyalah dijadikan alasan bagi PKC untuk menolak pengawasan daripada luar dan menolak larangan kebebasan akhbar dan kebebasan mendirikan parti-parti politik, ini adalah merupakan topeng daripada gengster politik untuk mengelabui dan memperbodoh-bodohkan rakyat bagi melindungi kesahihan kekuasaannya dan kepentingan kelompoknya.

PKC pakar dalam memainkan tipu daya gengster politik. “Kediktatoran Demokrasi Rakyat”, “Sistem Demokrasi Sentralisasi”, “Musyawarah Politik”, dan sebagainya semuanya ialah tipu muslihat, melainkan “diktator”, tiada satu yang benar sama sekali.

### **(iii) Praktik konspirasi dan tipu daya – daripada pura-pura melawan pencerobohan Jepun sampai pura-pura melawan k'eganasan**

PKC sentiasa menuntut bahawa dialah yang memimpin seluruh rakyat mengalahkan pencerobohan Jepun. Namun banyak sekali maklumat sejarah yang mengungkapkan bahawa PKC secara sengaja telah menghindari daripada pertempuran melawan Jepun. Sebaliknya PKC hanya sebagai pengganggu dalam perang melawan Jepun dengan mencuri peluang ketika pertempuran Kuomintang dengan Jepun untuk memperkukuh kekuatan parti.

Satu-satunya pertempuran besar di mana PKC terlibat adalah “Peperangan Terusan Pingxing” dan “Peperangan Ratusan Rejimen”. Dalam Peperangan Terusan Pingxing, PKC bukan merupakan pimpinan atau kekuatan inti yang memimpin peperangan. Tentera PKC hanya sekadar menyergap pasukan bekalan Jepun. Sedangkan dalam Pertempuran Ratusan Rejimen, anggota PKC yang turut dalam peperangan dianggap telah melanggar strategi politik daripada Pusat Parti. Setelah kedua pertempuran itu, Mao Zedong dan tentera PKC tidak pernah lagi terlibat dalam pertempuran serius, juga tidak lagi menghasilkan pahlawan perang melawan Jepun seperti Dong Cunrui (tahun 1948 dalam perang dengan Kuomintang), dan Huang Jiguang (semasa pertempuran melawan Korea). Hanya segelintir perwira tinggi PKC yang tewas di medan pertempuran melawan Jepun. Bahkan sampai hari ini PKC tidak dapat mengumumkan jumlah angka tokoh pahlawan dalam pertempuran melawan Jepun, juga sukar ditemui di daratan China yang begitu luas, monumen penghargaan bagi pahlawan perang PKC yang melawan Jepun.

Ketika itu, PKC telah membentuk Pemerintahan Wilayah di daerah-daerah Shaanxi, Gansu, dan Ningxia, yang jauh daripada medan pertempuran. Dengan istilah sekarang disebut “satu negara dengan dua sistem”, atau “dua China dalam satu negara China”. Sekalipun ada perwira perang persendirian PKC yang tidak kurang semangatnya dalam melawan Jepun, namun para pemimpin tinggi PKC tidak sepenuh hati melawan Jepun. Sebaliknya mereka sentiasa mempunyai tujuan untuk melindungi kekuatan pokok mereka dan memanfaatkan peperangan sebagai kesempatan untuk memperkuatkan diri sendiri. Ketika China dan Jepun menjalin kembali hubungan diplomatik pada tahun 1972, Mao Zedong telah menyatakan isi hatinya kepada Perdana Menteri Jepun Kakuei Tanaka bahawa sepantasnya PKC perlu menyampaikan terima kasih kepada Jepun, kerana tanpa adanya peperangan melawan Jepun, PKC mustahil memperoleh kekuasaan di China.

Ucapan itu adalah bukti kebohongan PKC yang menuntut bahawa “pihaknyalah yang telah memimpin seluruh rakyat China untuk bertahan melawan Jepun selama delapan tahun, hingga pada akhirnya merebut kemenangan.”

Setelah lebih daripada setengah abad, dengan terjadinya serangan keganasan terhadap Amerika Syarikat, yang dikenali peristiwa 9/11, usaha gerakan anti keganasan telah menjadi perhatian seluruh dunia. PKC kembali menjalankan strategi penipuan gengster yang pernah dilakukan selama perang melawan Jepun, Dengan menggunakan dalih anti keganasan, PKC telah melabelkan banyak pengikut agama, para pembangkang, dan kelompok yang berkaitan dengan konflik suku mahupun daerah, sebagai keganasan. Dengan topeng gerakan anti keganasan yang menjadi iklim dunia, PKC melancarkan penindasan yang kejam secara besar-besaran.

Pada 27 September 2004, Pegawai Berita Xinhua memetik suratkhbar Xinjing yang memberitakan bahawa Beijing mungkin akan mendirikan Pegawai anti keganasan yang pertama, mendahului daerah dan kota-kota lain di China. Beberapa media di luar negeri yang pro PKC bahkan telah memberitakan sebagai berita utama bahawa Pejabat 610 telah bergabung dengan gerakan anti keganasan (Pejabat 610 adalah salah satu organisasi yang didirikan khusus untuk menganiaya pengikut Falun Gong), dan menuntut bahawa pegawai anti keganasan akan memusatkan perhatian pada penumpasan organisasi keganasan, termasuk Falun Gong.

PKC membubuhkan label “keganasan” pada mereka yang tidak bersenjata di tangan, yang tidak melawan walau dipukul dan difitnah, yang membuat rayuan memohon hak mereka. Dengan memanfaatkan kemudahan iklim anti keganasan, PKC telah menggerakkan “pasukan khusus anti keganasan”, melancarkan penindasan gerak cepat atas kelompok massa yang baik hati dan lemah. Lebih daripada itu, PKC juga telah memanfaatkan dalih anti keganasan untuk mengalihkan perhatian antarabangsa terhadap penyeksaan yang dilakukan ke atas para pengikut Falun Gong. Cara-cara busuk yang dipraktikkan PKC pada ketika ini tidak berbeza dengan yang pernah dijalankan pada masa perang melawan Jepun, memalukan gerakan antarabangsa melawan anti keganasan.

#### **(iv) Bepura-pura setuju tetapi padahal dalam hati menentang**

PKC sendiri pun tidak yakin pada doktrin mereka tapi masih memaksa pihak lain untuk mempercayainya. Hal seperti ini adalah salah satu cara paling busuk yang dipraktikkan PKC. PKC memang tahu bahawa doktrin partinya adalah palsu, fahaman sosialisme adalah tidak benar, semua itu sudah dalam kehancuran, mereka sendiri juga sudah tidak percaya, tapi tetap memaksa rakyat untuk mempercayainya. Mereka bahkan menghukum orang-orang yang tidak mempercayainya. Yang amat bukan-bukan, PKC tanpa rasa malu telah menulis doktrin penipuan mereka ke dalam undang-undang, dan dijadikan sebagai garis panduan negara China.

Dalam kehidupan harian, ditemui fenomena yang menarik. Banyak pegawai tinggi yang kehilangan kedudukannya kerana terlibat dalam kes rasuah, dan mereka itu umumnya kelihatan sebagai orang-orang yang menjunjung tinggi nilai kejujuran dan yang tidak mementingkan peribadi dalam mesyuarat-mesyuarat, tetapi di sebalik semua itu mereka biasa menerima suap, rasuah dan melakukan pelbagai tindakan tak bermoral. Banyak sekali daripada mereka yang sebelumnya mendapat julukan “kuli pegawai masyarakat” jatuh kerana ternyata terlibat pelbagai kes, antaranya Li Jiating, bekas gabenor daerah Yunnan; Liu Fangren, setiausaha parti untuk daerah Guizhou; Cheng Weigao, setiausaha parti untuk daerah Hebei; Tian Fengshan, menteri pertanahan dan sumber daya; dan Wang Huaizhong, wakil gabenor daerah Anhui. Apabila anda membaca pidato-pidato mereka, anda akan mendapatkan kesan, tanpa diragukan lagi, mereka adalah pendukung-pendukung kempen anti-rasuah dan sentiasa menekankan bawahan mereka untuk berlaku jujur, padahal di sebalik itu mereka asyik mengumpulkan kekayaan dan menerima suap.

Walaupun PKC sering mempromosikan teladan tipikalnya dan selalunya dapat menarik orang-orang yang idealistik serta berprestasi untuk masuk menjadi anggota parti, dan diperalat bagi menaikkan dandanan imej parti, namun jelas bagi kita semua betapa menyedihkan keadaan China pada masa kini dengan kemerosotan tahap moral yang begitu mengerikan. Mengapa propaganda PKC tentang “tamadun peradaban rohaniah” tidak dapat memperbaiki keadaan seperti ini?



Pada kenyataannya, para pimpinan PKC sering mengujarkan dengan ucapan “kualiti moral komunisme” atau slogan “berkhidmat pada masyarakat”, namun semuanya kata-kata kentut beromong kosong. Marx melakukan curang dan mempunyai seorang anak haram. Lenin menderita sifilis akibat berhubungan dengan pelacur-pelacur. Stalin dituduh kerana menjalin hubungan seks secara paksa ke atas seorang penyanyi. Mao Zedong ialah orang yang menuruti nafsu berahinya. Jiang Zemin biasa berzina dengan sesiapa saja. Pemimpin komunis Romania Ceausescu telah membuat keluarganya luar biasa kaya. Pemimpin komunis Cuba Castro menimbun ratusan juta dollar di bank-bank di luar negeri. Pembunuh keji daripada Korea Utara, Kim il Sung dan anak-anaknya menjalani hidup berfoya-foya. Tidak konsistennya antara kata-kata dan tindakan para pemimpin komunis, bermula sejak tok guru Marx.

Dalam kehidupan harian, rakyat China pada umumnya tidak menyukai perbincangan-perbincangan membahas masalah politik kerana dianggap sesuatu yang hipokrit. Semakin lama mereka semakin menjauhi persoalan politik, kerana setiap orang tahu bahawa itu hanyalah permainan tipuan belaka. Mereka yang hadir dalam mesyuarat terbiasa berbohong dalam hal-hal yang berhubungan dengan politik. Namun tidak seorang pun, baik si pembicara mahupun si pendengar yang berani menyingkap tentang kebohongan itu. Semua ini adalah merupakan rahsia umum. Orang-orang menjulukinya sebagai “berpura-pura tulus”. Pemikiran daripada PKC yang didengungkan, baik itu “Tiga Wakil” beberapa tahun yang lalu, atau yang kebelakangan dikenali sebagai “meningkatkan kemampuan memerintah” atau yang kini dikenal sebagai “Tiga Hati” - menghangatkan, mententeramkan dan mendapatkan hati rakyat - semua itu adalah omong kosong. Parti berkuasa mana yang tidak mewakili kepentingan rakyat? Parti berkuasa mana yang tidak memperhatikan kemampuan memerintah? Parti berkuasa mana yang tidak berusaha merebut hati rakyat? Parti apa-apa pun yang tidak memperhatikan hal-hal ini akan segera tergusur daripada panggung politik. Tetapi PKC memperlakukan slogan-slogan itu secara berlebihan sebagai teori yang ajaib lagi mendalam, yang menurutnya perlu dipelajari oleh setiap warganegara.

Apabila watak “pura-pura berbuat” secara halus tak terasa telah terbentuk dalam benak dan menjadi kebiasaan daripada satu juta lebih rakyat, juga telah menjadi fenomena “budaya parti”, maka seluruh masyarakat menjadi penuh kebohongan, hilang kejujuran dan kepercayaan. Masyarakat seperti ini dalam keadaan berbahaya. Untuk apa PKC menciptakan keadaan seperti ini? Di masa lalu, adalah demi ideologi, pada ketika ini pula demi kepentingan parti. Meskipun sedar bahawa mereka sedang pura-pura berbuat, tapi tetap saja dilakukan. Seandainya PKC tidak berbuat demikian, maka tidak dapat menampakkan gengsterismenya untuk menakut-nakuti rakyat, dan tidak dapat mengancam rakyat untuk menurutinya.

#### **(v) Melenyapkan suara hati dan mengorbankan keadilan demi kepentingan parti**

Dalam buku *“Pengembangan Mental Anggota Parti Komunis”*, yang ditulis oleh Liu Shaoqi, diuraikan secara terperinci, terutama dalam hal perlunya para anggota parti untuk mengorbankan kepentingan peribadinya tanpa syarat ke dalam kepentingan parti. Antara anggota PKC dalam sejarah, tidak kurangnya orang-orang yang memikirkan kepentingan negara dan rakyatnya, cukup banyak pegawai yang secara jujur dan tulus berkhidmat demi masyarakat. Namun dalam mesin politik PKC yang diwarnai dengan kepentingan peribadi, para pegawai seperti itu tidak mempunyai jalan keluar. Di bawah tekanan terus-menerus untuk “sifat kemanusiaan menuruti sifat parti”, sering kali mereka tidak dapat terus bertahan, mereka terpaksa memilih apakah untuk menghentikan tugas atau disingkirkan keluar, malahan yang lebih buruk turut memakan suap bersama.

Rakyat China secara mendalam telah mengalami dan merasakan kekejaman rejim PKC dan dibuat takut yang mendalam terhadap kekuasaan kejahatan PKC. Oleh sebab itu rakyat tidak berani menjunjung keadilan dan tidak lagi percaya akan hukum kebenaran. Pada awalnya mereka takluk kepada kekuasaan paksaan PKC, kian mereka mulai mati rasa dan tidak mepedulikan hal-hal yang tidak berkaitan dengan mereka. Bahkan pemikiran mereka secara sedar telah terpola untuk tunduk pada PKC. Semua ini adalah hasil daripada watak gengster PKC yang menyerupai mafia.

#### **(vi) PKC memanipulasi sentimen patriotik untuk menghasut massa**

PKC menggunakan slogan “patriotisme” dan “nasionalisme” sebagai gula-gula untuk memukau massa. Slogan-slogan itu tidak saja diteriakkan oleh pusat perhimpunan PKC, tetapi juga merupakan pesan-pesan yang biasa diterbitkan dan merupakan strategi yang telah teruji oleh waktu. Dengan membaca propaganda nasionalisme pada harian *People’s Daily* edisi luar negeri, sebahagian perantau Cina, yang berpuluh-puluh tahun tidak berani kembali untuk tinggal di China, akan menjadi lebih nasionalis dibandingkan mereka yang tinggal di daratan China. Akibat manipulasi PKC, rakyat China yang tidak berani bercakap “tidak” terhadap dasar PKC, di bawah percatutan PKC, dengan atas nama “patriotisme” menjadi berani menyerang kedutaan Amerika Syarikat di China, melempari dengan telur dan batu, membakar kenderaan dan bendera Amerika.

Setiap saat ketika PKC menghadapi masalah yang memerlukan kepatuhan massa, selalu menggunakan “patriotisme” dan “nasionalisme” untuk menggerakkan massa dalam seketika. Dalam pelbagai kes, termasuk masalah yang berkaitan dengan Taiwan, Hongkong, Falun Gong, pelanggaran antara pesawat pengintai AS dengan pesawat tempur China, PKC selalu menggunakan cara gabungan antara keganasan dalam tekanan tinggi dan pencucian otak secara beramai-ramai, yang akan membawa rakyat dalam semacam suasana perang. Cara ini adalah serupa taktik yang digunakan oleh Fasisme Jerman.

Dengan menghalang sumber berita lainnya, pencucian otak yang dilakukan PKC sangat berhasil. Meskipun rakyat China tidak suka kepada PKC, namun mereka masih sukar untuk berfikir keluar daripada lingkungan pemikiran PKC. Ketika AS memimpin perang menyerang Iraq, sebagai contoh, banyak orang terhasut dengan melihat analisis harian di stesen televisyen China, meluap-luap dengan perasaan kebencian, keinginan membalas dendam, dan dorongan untuk berperang, pada masa yang sama mengutuk suatu peperangan yang lain.

#### **(vii) Tidak Mempunyai Rasa Malu – lebih mementingkan Parti daripada negara dan memaksa rakyat menganggap perompak sebagai bapa mereka**

Satu ungkapan yang sering digunakan oleh PKC untuk mengintimidasi rakyat ialah “kemusnahan parti dan kemusnahan negara”, menempatkan parti pada kedudukan utama daripada negara. Dasar pendirian negara ialah “Tanpa PKC maka tidak akan ada China Baru”. Mulai zaman kanak-kanak, rakyat dididik untuk “patuh kepada parti” dan “berperilaku sebagai anak parti yang baik dan taat”; menyanyikan lagu-lagu pujian bagi parti: “Saya menganggap parti sebagai ibunda”, “Oh, parti, ibuku tercinta”, “Cinta kasih daripada parti melebihi dalamnya samudera”, “Cinta ayah dan ibuku tak pernah melebihi cinta terhadap parti”; kompas penunjuk arah gerakan ialah “Parti menunjuk ke arah mana, maka kita akan menggempur ke arah mana”. Setiap kali pemerintah memberi bantuan atas berlakunya bencana, yang diucapkan rakyat adalah berterima kasih kepada parti dan kerajaan. Pertama kepada parti baru kemudian kepada kerajaan; Slogan militer berbunyi “Parti memimpin senjata”; Bahkan ahli perancang China mereka seragam untuk hakim pengadilan, mereka menempatkan empat buah kancing berwarna emas berjajar sepanjang leher baju, sebagai simbol parti, rakyat, undang-undang, dan negara. Hal ini menunjukkan bahawa sekalipun anda seorang hakim, anda harus sentiasa menempatkan parti di atas undang-undang, negara, dan rakyat. Parti menjadi yang utama di China, sebaliknya negara menjadi bawahan daripada parti. Negara wujud untuk parti, dan parti dianggap sebagai perwujudan daripada rakyat, dan lambang kepada negara. Cinta kepada parti, pemimpin parti dan negara telah bercampur aduk, itulah alasan dasar mengapa patriotisme di China telah diputar-belitkan daripada keadaan sebenar.

Di bawah pengaruh yang halus tak terasa daripada pendidikan dan propaganda PKC, banyak orang, baik anggota parti mahupun bukan, mulai bingung untuk membezakan antara parti dan negara, entah mereka menyedarinya atau tidak. Mereka menganggap bahawa kepentingan parti harus didahulukan daripada segala yang lain, dan setuju bahawa “kepentingan parti bererti juga adalah kepentingan rakyat mahupun negara”. Dengan demikian telah menciptakan peluang dan ruangan bagi PKC untuk mengkhianati kepentingan negara.

## **(vii) Mempermainkan taktik “penebusan”, Mengubah Perbuatan Jenayah Menjadi “Jasa Mulia”**

PKC telah membuat banyak kesalahan dalam sejarah. Tapi selalu menimpakan kesalahan yang dibuatnya kepada peribadi atau golongan tertentu dengan cara “pemulihan nama”. Hal seperti ini tidak saja membuat mangsa sangat berterima kasih kepada PKC, tapi juga memberi kesempatan kepada parti untuk sama sekali mengabaikan tanggungjawab ke atas perkara kejahatan. PKC tidak saja menuntut bahawa dirinya “bukan sahaja pandai membuat kesalahan, tapi juga berani untuk memperbaikinya”. Praktik tersebut telah menjadi ubat mujarab bagi PKC yang telah berkali-kali terlepas daripada akibat maut kesalahannya. Dengan begitu PKC tetap “mulia, agung, dan benar”.

Mungkin suatu hari, PKC akan mengulangi permainan berganti jubahnya memulihkan dan menebus kesalahan bagi peristiwa penyembelihan di Lapangan Tiananmen dan juga memulihkan reputasi Falun Gong. Tapi semua itu hanyalah taktik jahat yang biasa dilakukan PKC dalam keadaan putus asa untuk menyambung nyawanya. PKC tidak akan mempunyai keberanian untuk merenungi dirinya, untuk mengira satu per satu kes-kes jenayah yang pernah dibuat, atau mengambil tanggungjawab semua dosa-dosanya.

## **VI. Tampang Wajah Gengster PKC Terbongkar habis, Menggunakan Keganasan Negara dalam Usahnya untuk Membasmi “Sejati-Baik-Sabar”**

Perbuatan penipuan “Bakar diri di Lapangan Tiananmen” yang dilakoni oleh PKC dapat dikategorikan sebagai kebohongan terbesar oleh PKC dalam abad ke 20. Agar dapat menjatuhkan Falun Gong, pemerintah begitu jahatnya telah memujuk lima orang untuk berpura-pura sebagai pengikut Falun Gong dan memerankan pertunjukan pembakaran diri di Lapangan Tiananmen. Kelima-lima orang tanpa menyedari telah menandatangani pernyataan kesediaan untuk meninggal, baik meninggal dipukul di saat berlakon mahupun setelah pertunjukan itu. Dalam adegan gerak lambat daripada pembakaran diri yang ditayangkan oleh stesen televisyen China tidak ragu-ragu lagi menunjukkan bahawa Liu Chunling, salah seorang pelakon dalam pembakaran diri, meninggal akibat pukulan keras oleh pegawai polis. Adegan yang lainnya ialah kedudukan bersila daripada Wang Jingdong, botol plastik (yang didakwa berisi gasolin) masih menggantung di antara kedua-dua pahanya setelah api dipadamkan, percakapan antara wartawan dengan mangsa termuda Liu Suying, dan kehadiran jurugambar yang siap merakam kejadian. Fakta-fakta itu dan lainnya merupakan bukti yang mencukupi bahawa peristiwa pembakaran diri adalah merupakan sandiwara tipuan busuk yang dirancang oleh rejim gengster Jiang Zemin untuk menfitnah dan menganiaya Falun Gong.

Sebuah parti, menggunakan taktik keji dan kejam, mengerahkan sumber kewangan negara yang tertimbun sejak reformasi 20 tahun yang lalu, menggerakkan parti, pemerintahan, militer, polis, mata-mata, diplomat asing, dan masih banyak organisasi baik pemerintah mahupun kalangan rakyat, memanipulasi sistem media yang menjangkau seluruh dunia, melakukan penyekatan maklumat secara ketat dengan mengawal secara peribadi mata ke mata, mahupun dengan teknologi canggih. Semua itu dilakukan semata-mata untuk menghadapi kelompok aman yang mempraktikkan kesihatan raga dan jiwa, dan perbuatan demikian merupakan pembongkaran daripada akar-umbinya daripada watak hakiki gengster PKC.

Tak pernah ada sebelumnya dalam sejarah, seorang penjahat gengster yang berbohong sebusuk Jiang Zemin dan PKC, secara mendalam dan ada di mana-mana sahaja. Mereka menggunakan pelbagai kebohongan yang masing-masing dirancang khusus untuk memanipulasi konsep-konsep yang berlainan yang ada pada setiap orang, menyesuaikan sepenuhnya pemikiran orang ramai, dan dalam proses dibesar-besar dan diperguna sepenuhnya, dengan begitu orang-orang sangat mudah menerima kebohongan tersebut, dan parti berhasil menghasut kebencian terhadap Falun Gong. Apabila anda percaya pada ilmu pengetahuan sains, PKC mengatakan bahawa Falun Gong adalah tahyul. Apabila anda meluak terhadap politik, PKC mengatakan bahawa Falun Gong berpolitik. Apabila anda cemburu kepada orang yang menjadi kaya kemudian pergi ke luar negeri, PKC mengatakan bahawa Falun Gong mengumpulkan dan memeras kekayaan. Apabila anda tidak menyukai organisasi, PKC mengatakan bahawa Falun Gong mempunyai organisasi yang ketat. Apabila anda

bosan dengan pemujaan tokoh yang telah berlangsung berpuluh-puluh tahun, PKC mengatakan bahawa Falun Gong melakukan manipulasi mental. Apabila anda seorang pendukung patriotisme, PKC mengatakan bahawa Falun Gong anti China. Apabila anda seorang yang takut akan pergolakan, PKC mengatakan bahawa Falun Gong menjejaskan kestabilan. Seandainya anda mengatakan bahawa Falun Gong menjunjung Sehati-Baik-Sabar, PKC mengatakan bahawa Falun Gong tidak sejati, tidak baik dan tidak sabar. PKC bahkan menyesatkan, mengatakan bahawa belas kasih dapat membangkitkan keinginan untuk membunuh.

Apakah anda percaya pemerintah tidak akan membuat kebohongan lebih lanjut? PKC bahkan lebih banyak dan lebih heboh lagi membuat kebohongan. Mulai daripada kes menfitnah sampai bunuh diri dan pembakaran diri, daripada membunuh anggota keluarga sampai membunuh orang lain, daripada membunuh satu orang sampai membunuh sekelompok orang— begitu banyak kebohongan yang membuat anda sukar untuk tidak mempercayainya. Seandainya anda ialah seorang yang bersimpati Falun Gong, maka PKC akan mengaitkan penilaian politik anda dengan Falun Gong, seandainya salah seorang praktisi di lingkungan anda mengajukan aduan ke Beijing, anda akan diturunkan pangkat atau jawatan, dipecat, atau dipotong bonusnya, memaksa anda untuk memusuhi Falun Gong. PKC telah menculik sangat banyak praktisi Falun Gong dan memasukkan mereka ke dalam pusat pencucian otak dalam usahanya agar mereka mahu melepaskan kepercayaannya yang sejati, mencela Falun Gong, dan berjanji untuk tidak berlatih lagi. PKC menggunakan pelbagai cara busuk untuk memujuk mereka, antara lain melalui sanak keluarga, majikan, dan pendidikan untuk menekan mereka, menghukum mereka dengan pelbagai cara penyeksaan kejam bahkan dengan mengancam anggota keluarga dan kawan dekatnya. Pengikut Falun Gong yang telah berhasil dicuci otaknya lalu digunakan untuk mengambil bahagian dalam mencuci otak pengikut Falun Gong lainnya. PKC yang jahat mendesak orang baik menjadi jahat dan memaksa mereka menjalani hidup di jalan yang gelap.

## **VII. Sosialisme Gengster “Ciri Khas China”**

Istilah “Ciri Khas China” biasa digunakan sebagai perlindungan daripada kejahatan-kejahatan yang dibuat PKC. PKC selalu menggembar-gemburkan bahawa keberhasilan revolusinya adalah hasil daripada “integrasi Marxisme-Leninisme dengan revolusi yang terjadi di China”. PKC sentiasa menyalahgunakan istilah “Ciri Khas” sebagai pelicin ideologi bagi gerakan politiknya yang jahat dan berubah-ubah.

### **(1) Cara yang berubah-ubah dan mengelabui mata**

Dengan topeng “Ciri khas China” yang sifatnya gengster, tidak ada yang dicapai oleh PKC kecuali kepalsuan dan hal-hal yang ganjil dan menggelikan.

Tujuan daripada revolusi PKC adalah merealisasikan sistem pemilikan umum barang-barang pengeluaran. Prinsip ini telah mengelabui banyak kaum muda untuk menyertai parti demi “idealisme dalam kesaksamaan”. Sebahagian daripada mereka bahkan telah berkhianat terhadap sanak keluarga yang memiliki kekayaan. Tapi setelah tahun 83, kapitalisme telah kembali lagi, sekarang telah berubah wajah PKC yang dahulunya melaungkan panji “idealime dalam kesaksamaan”. Sekarang, banyak antara anak-anak dan keluarga pemimpin PKC adalah merupakan kapitalis baru yang kaya-raya, dan banyak anggota parti yang berusaha menjadi satu anggota dalam barisan orang-orang kaya baru. PKC membasmi kaum tuan tanah dan kapitalis serta merampas kekayaan mereka atas nama revolusi, pada ketika ini elit baru PKC telah menjadi lebih kaya daripada kaum kapitalis dengan cara penggelapan wang dan rasuah. Bagi mereka yang dahulu turut berjuang dalam revolusi mendirikan dunia komunis hanya dapat berkata: “Seandainya dulu saya tahu keadaan akan menjadi seperti hari ini, saya tidak akan pernah turut di dalamnya”. Setelah sekian berpuluh-puluh tahun turut berjuang dengan setia, mereka mendapatkan bahawa diri mereka telah kehilangan saudara, ayah, harta kekayaan, bahkan telah mengorbankan seumur hidup mereka kepada agama sesat PKC ini.

PKC mengemukakan struktur kelas atas ditentukan oleh pembentukan ekonomi, namun pada kenyataannya ialah pembentukan ekonomi birokrasi daripada para pegawai rasuah PKC yang menentukan struktur kelas atas yang berciri menindas. Daripada itulah menindas rakyat telah menjadi dasar politik PKC.

Satu lagi ciri khas gengsterisme PKC adalah memanipulasi dan mengubah definisi daripada suatu konsep apa-apa pun dalam kebudayaan manusia lalu menggunakannya untuk mengkritik dan mengawalkan orang-orang. Salah satu contohnya ialah konsep “parti”. Sesungguhnya sejak dulu fenomena berparti telah wujud dalam masyarakat manusia. Hanya Parti Komunislah yang mempraktikkan kekuasaannya terhadap para anggota di luar lingkungan kepentingannya. Setelah anda masuk ke dalam parti, maka parti akan mengawasi segala aspek kehidupan anda, bahkan hati nurani anda, mata pencarian, sampai kehidupan peribadi anda. Ketika memperoleh kekuasaan, PKC akan mengawasi masyarakat, pemerintah, dan segenap alat negara mulai daripada hal-hal penting seperti, siapa yang harus menjadi pimpinan negara, siapa yang layak menjadi menteri pertahanan, bahkan peraturan dan undang-undang yang akan ditetapkan, sampai hal-hal remeh seperti di mana seseorang seharusnya tinggal, dengan siapa seseorang berkahwin, hingga ingin melahirkan berapa orang anak. PKC memikirkan pelbagai cara pengawalan tersebut sehingga peras otaknya.

Atas nama dialektik, PKC telah merosakkan semua cara pemikiran falsafah yang sempurna dan harmonis, kemampuan berfikir sihat, dan semangat untuk menyelidiki. PKC mengemukakan “pembahagian mengikut sumbangan” untuk mewujudkan “pemberian kesempatan kepada sebahagian orang untuk menjadi kaya lebih dulu”, namun dalam proses ternyata adalah “pembahagian berdasarkan kekuasaan”. Dengan topeng “berkhidmat demi masyarakat sepenuh hati” PKC membohongi mereka yang mempunyai cita-cita serupa, lalu mencuci otak mereka dan mengawalinya. Secara bertahap mengubah mereka menjadi alat yang patuh untuk “sepenuhnya berkhidmat demi kepentingan parti” dan tidak mempunyai keberanian menyuarakan pemikiran masyarakat.

## **(2) Parti gengster yang “berciri khas China”**

Dengan prinsip junjunglah kepentingan parti melebihi segala-galanya, PKC, dengan agama sesatnya telah memutar-belitkan masyarakat Cina, dan telah menciptakan sesuatu yang aneh dalam masyarakat manusia. Sesuatu ini berbeza dengan negara lain, pemerintahan lain, dan organisasi lainnya. Prinsip mereka adalah “tanpa prinsip”, tidak ada ketulusan di sebalik senyumnya. Orang-orang yang berhati baik tidak dapat memahami PKC. Berdasarkan standard moral universal, mereka tidak dapat membayangkan sesuatu yang begitu gengster dapat mewakili suatu negara. Dengan dalih “sifat khas China”, PKC memijakkan dirinya manjadi satu antara bangsa-bangsa di dunia. “Ciri Khas China” sebenarnya ialah pendek kata bagi “Ciri Khas Gengster PKC”.

Dengan topeng “sifat khas China”, kapitalisme timpang di China disamakan menjadi “sosialisme khas China”; “pengangguran” disebut sebagai “penungguan kerja”; mereka yang “dipecat” dikatakan “dibebaskan tugasnya”; “kemiskinan” disebut sebagai “tahap awal daripada sosialisme”; “hak asasi manusia” yang bebas bersuara serta berkepercayaan digantikan dengan “hak untuk hidup”.

## **(3) Negara menjadi gengster, bangsa Cina menghadapi krisis moral yang belum pernah dialami sebelumnya**

Sekitar awal tahun 1990an, di China terkenal dengan sebuah ungkapan “saya ialah gangster, saya takut pada siapa?”. Ini ialah akibat daripada berpuluh-puluh tahun gengster memerintah, yang mendorong negara menjadi gengster. Sejajar kemakmuran ekonomi yang palsu di China, kemerosotan nilai moral yang luar biasa juga pada segenap masyarakat.

Para utusan Kongres seringkali menyuarakan masalah “kejujuran dan kepercayaan” dalam Kongres Rakyat China. Ketika ujian saringan masuk perguruan tinggi, calon mahasiswa diminta untuk mengarang dengan tema “kejujuran dan kepercayaan”. Semua itu adalah petanda bahawa hilangnya kejujuran dan kepercayaan serta kemerosotan moral telah menjadi krisis besar yang tidak terlihat, namun terjadi di mana-mana dalam masyarakat China. Rasuah dan kebobrokan, membanjirnya produk palsu, penipuan yang telah menjadi

kebiasaan, busuknya hati manusia, dan lemahnya norma-norma sosial terjadi di mana-mana. Tidak ada lagi saling percaya yang mendasar antara sesama anggota masyarakat.

Bagi mereka yang menyatakan diri berpuas hati dengan pembaikan taraf kehidupan, bukankah yang paling menaruh perhatian adalah pada ketenteraman hidup? Apa sesungguhnya yang menjadi faktor utama daripada ketenteraman hidup? Tak lain ialah nilai moral. Masyarakat dengan nilai moral yang mengaibkan tidak akan mungkin adanya jaminan keselamatan.

Dengan berlalunya waktu hingga sekarang, PKC telah menghancurkan hampir seluruh agama dan tradisional, dan melucuti nilai-nilai tradisional. Cara-cara tidak bermoral daripada PKC dalam melirik kekayaan serta membohongi rakyat, dijadikan contoh oleh lapisan bawah, akibatnya dengan cepat terbentuklah masyarakat berperilaku menyerupai gengster. PKC, yang memerintah dengan pelbagai cara jahat, pada dasarnya memerlukan lingkungan yang buruk agar dapat bertahan hidup. Itulah alasannya mengapa PKC berusaha seboleh mungkin ingin menjerumuskan rakyat turun ke Lembah kehinaan, dan mengubah rakyat China menjadi gengster-gengster besar dan kecil dalam peringkat-peringkat yang berbeza. Dengan cara seperti itulah PKC yang berwatak dasar gengster membenamkan nilai-nilai dasar moral yang sejak lama menunjangkan kehidupan bangsa Cina.

## **Kesimpulan**

Adalah lebih mudah membelokkan sungai dan menyingkirkan gunung daripada mengubah tabiat seseorang. Sejarah telah membuktikan setiap kali PKC melonggarkan rantai dan belunggu, bukanlah bermaksud membebaskan rakyat. Setelah bencana kelaparan negara di awal 1960an, PKC pernah melancarkan program “Tiga Mandiri dalam Satu Paket” (San Zi Yi Bao) yang bertujuan meningkatkan hasil pertanian, namun bukan bertujuan untuk mengubah status “abdi tanah” para petani China. “Reformasi ekonomi” dan “liberalisasi” sekitar 1980-an tetap saja tidak mempengaruhi PKC mengangkat pedang sembelihnya pada rakyatnya sendiri pada tahun 1989. Selanjutnya ke depan PKC akan selalu mengubah penampilannya, tetapi mutlak tidak pernah mengubah watak dasar gengsternya.

Mungkin saja ada orang berpendapat, masa lalu biarlah berlalu, situasi kini telah berubah, PKC kini tidaklah sama seperti PKC di masa lalu. Orang merasa puas dengan kewujudan palsu di depan mata, bahkan dengan keliru menganggap PKC kini telah bereformasi, atau dalam proses reformasi, atau berniat melakukan reformasi, dengan demikian lalu melupakan kenangan buruk tentang PKC. Semua itu bererti telah memberikan kesempatan lagi bagi kelompok gengster PKC untuk tetap hidup dan mencelakakan manusia.

PKC berusaha seboleh mungkin membuat rakyat “melupakan” masa lampau; manakala semua usaha rakyat meronta-ronta, adalah justeru “mengingatkan” orang akan segala kekejaman dan ketidakadilan PKC, yang mereka menderita di masa lalu.

Pada realitinya, sejarah PKC adalah merupakan sebuah sejarah yang membelah ingatan rakyat, agar generasi berikutnya tidak jelas tentang apa yang dialami generasi sebelumnya, adalah lembaran sejarah di mana ratusan juta warganegara hidup dalam konflik berat antara mencaci PKC kerana perbuatan berdarah di masa lalu, dan menaruh harapan kepada PKC untuk masa akan datang.

Ketika roh jahat komunisme turun ke dunia manusia, Parti Komunis memanfaatkan pemberontakan kumpulan gengster dan revolusi penyamun dan penjahat untuk merebut kekuasaan dan memijakkan kakinya di atas dunia. Apa yang telah diperbuat dengan kekuasaan zalimnya, adalah untuk membangun dan mempertahankan sebuah masyarakat radikal yang berpola “dirasuki parti”. Dengan bertopengkan ideologi “perjuangan” yang menentang hukum alam, hukum langit, sifat manusia dan alam semesta, Parti Komunis telah menghancurkan hati nurani dan sifat kemuliaan manusia. Lebih daripada itu telah merosakkan peradaban dan nilai moral manusia, dengan penyembelihan berdarah dan pemaksaan cuci otak untuk membentuk penyembahan terhadap komunisme, menciptakan bangsa dengan pemikiran sesat komunisme

agar ia dapat berkuasa. Sepanjang sejarah, Parti Komunis pernah mengalami masa penuh dengan kekerasan di mana keganasan komunis mencapai puncaknya, juga masa kucar-kacir di mana Parti Komunis nyaris menemui ajalnya. Setiap kali, Parti Komunis menggunakan permainan gengsternya agar dapat melewati keadaan krisis, untuk dapat memasuki babak kekejaman berikutnya, melanjutkan pembohongan terhadap rakyat.

Apabila orang-orang dapat mengenali watak dasar gengster Parti Komunis, dan tidak terkelabui oleh kepalsuannya, maka itulah saat tamatnya bagi PKC beserta watak dasar gengsternya.

Dibandingkan dengan 5,000 tahun sejarah bangsa Cina, 55 tahun masa kekuasaan PKC hanyalah berupa sekilat pandang. Sebelum kehadiran PKC, bangsa China telah menciptakan peradaban yang paling gemilang dalam sejarah umat manusia. PKC mengambil kesempatan di saat China berlakunya masalah pertikaian dalam negeri dan penyerangan pihak asing untuk menduduki pemerintahan, yang mana telah mendatangkan malapetaka besar bagi bangsa Cina. Malapetaka tersebut tidak hanya membawa korban jiwa manusia berjumlah puluhan juta serta hancurnya keluarga yang tak terkira, juga telah mengorbankan sumber ekosistem yang menjadi tumpuan hidup bangsa Cina. Yang lebih parah lagi ialah, sumber nilai moral dan tradisi budaya yang luhur daripada bangsa Cina hampir seluruhnya dirosakkan.

Apakah rupa masa depan China? Ke arah mana China akan menuju? Pertanyaan-pertanyaan serius seperti ini sangatlah sukar untuk dibicarakan hanya dengan beberapa kata saja. Namun satu hal yang pasti – seandainya tidak ada pembaharuan moral bangsa, tidak ada pengenalan yang jelas hubungan antara umat manusia dengan alam, dengan manusia, dengan langit dan bumi, serta, sekiranya tidak ada kepercayaan dan kebudayaan untuk keharmonian hidup antara manusia, mustahil bagi bangsa Cina untuk memiliki masa depan yang gemilang.

Setelah menjalani pencucian otak dan tekanan luar biasa selama puluhan tahun, PKC telah menanamkan cara berfikirnya tentang nilai-nilai standard tentang kebaikan dan keburukan ke dalam benak jiwa bangsa Cina. Sehingga membuat orang-orang Cina pada taraf tertentu menerima dan menganggap wajar teori sesatnya, dan telah menjadi sebahagian daripadanya, dengan begitu telah memberikan asas pembentukan ideologi bagi kewujudan PKC.

Membersihkan segala teori sesat yang diindoktrinasikan PKC daripada dalam jiwa, mengenal dengan jelas sifat hakiki PKC yang lengkap dengan kejahatannya, membangunkan kembali watak manusia dan hati nurani sebagai manusia, semua itu merupakan jalan yang harus dilalui untuk melangkah dengan lurus menuju beralih ke masyarakat bukan komunis, juga merupakan langkah pertama yang diharuskan.

Sama ada jalan tersebut dapat dilalui dengan mantap dan damai atau tidak, itu bergantung kepada perubahan daripada hati naluri setiap orang Cina. Walaupun PKC di permukaan memiliki segala sumber daya dan mesin kekerasan daripada sebuah negara, namun jika setiap orang dapat yakin dan percaya akan kekuatan kebenaran, teguh mempertahankan nilai-nilai moral kita, maka roh jahat PKC akan kehilangan tempat untuk bertahan hidup, segala sumber daya ada kemungkinan dalam sekelip mata kembali ke tangan orang-orang yang menjunjung keadilan, itulah juga saatnya bagi kelahiran semula bangsa Cina.

Tanpa PKC, baharulah wujud China baru;

Tanpa PKC, China baharulah akan mempunyai masa depan;

Tanpa PKC, rakyat China yang adil dan baik hati pasti dapat membangun kembali kegemilangan sejarah.

**Nota:**

[1] Berdasarkan kepada pemikiran Confucian tradisional, maharaja atau raja yang memerintah adalah berdasarkan mandat daripada langit (syurga), dan untuk diberi kuasa yang sedemikian, pencapaian moral mereka perlulah berpadanan dengan tanggungjawabnya yang amat besar. Daripada Mencius, pemikiran yang sedemikian juga dapat dikesani. Dalam rangkap “Siapakah yang mendapat keizinan bagi kuasa monarki?”, apabila ditanyakan siapakah yang diizinkan bagi tanah dan kuasa pemerintahan bagi Maharaja Shun, Mencius berkata, “Ini adalah datang daripada langit.” Idea asal bagi kuasa yang agung juga boleh didapati dalam tradisi Kristian barat. Dalam Romans 13:1, The Bible (Versi King James), sebagai contohnya, boleh didapati: “Biarkan setiap roh untuk tertakluk kepada kuasa yang lebih tinggi. Tiada kuasa lain melainkan Tuhan: kuasa yang diberi adalah dikurniakan Tuhan.”

[2] Satu pusat merujuk kepada pembangunan ekonomi, manakala dua kandungan asas adalah: mempertahankan empat prinsip asas (langkah sosialis, kediktatoran proletariat, kepimpinan PKC, Marxisme-Leninisme and Pemikiran Mao), dan meneruskan polisi reformasi dan keterbukaan.

[3] Data daripada laporan oleh Agensi Berita Xinhua, Mac 2004.

[4] Mu ialah unit pengukuran kawasan tanah yang digunakan di China. Satu mu bersamaan dengan 0.165 hektar.

[5] Data daripada laporan oleh Agensi Berita Xinhua, 29 Februari 2004.

[6] “Prinsip Tiga Tidak” telah disebutkan pada masa lalu. Pada 1979, Deng Xiaoping mencadangkan “Prinsip Tiga Tidak” untuk menggalakkan orang ramai untuk menyuarakan fikiran mereka: tidak melabel, tidak menyerang, dan tidak mencari kesalahan. Ini sesungguhnya telah mengingatkan orang ramai terhadap Mao yang juga sama menggalakkan golongan intelektual pada 1950-an, dan diikuti dengan penindasan kejam kepada mereka yang berani bersuara. Kini, “Prinsip Tiga Tidak” yang baru pula merujuk kepada “pembangunan dengan tidak berbahas, perkembangan dengan tidak bertarung, dan progress dengan tidak berpuas hati ditinggalkan di belakang”.

[7] Undang-undang Asas Hong Kong Artikel 23 dicadangkan pada 2002 oleh kerajaan Hong Kong di bawah tekanan daripada Beijing. Artikel ini mewakili penghakisan yang serius kepada kebebasan dan hak asasi manusia di Hong Kong, dan cuba melemahkan “satu negara, dua sistem” yang dijanjikan oleh PKC. Artikel 23 ditentang di seluruh dunia, dan akhirnya dibatalkan pada 2003.

[8] ] Liu Shaoqi, Pengerusi China antara 1959 hingga 1968, dan dianggap sebagai pengganti kepada Mao Zedong. Dalam Revolusi Kebudayaan (1966-1976), dia telah ditindas sebagai pengkhianat, pengintip dan pembelot. Dia mati pada 1969 selepas disiksa dengan teruk di bawah penahanan PKC.

[9] CCTV (China Central Television) adalah dipunyai PKC dan beroperasi terus di bawah kerajaan pusat, yakni pemerintahan PKC, dan merupakan jaringan penyiaran utama di Dataran China.

[10] Frasa yang dipetik ini adalah merupakan semua tema lagu yang ditulis dan dinyanyikan semasa era Mao pada 1960-an dan awal 1970-an.

[11] Mao pernah sekali berkata, ” kita adalah takut untuk melakukan kesilapan, tetapi kita adalah prihatin untuk memperbetulkan mereka.”

[12] Untuk analisa yang lebih lanjut tentang video “pembakaran sendiri”, sila rujuk kepada laman wab berikut: <http://www.clearharmony.net/articles/200109/1165.html>.

[13] Struktur raksasa dalam isi kandungan teori sosial Marxis merujuk kepada cara bagi interaksi antara faktor subjektif manusia dengan unsur material dalam masyarakat.



[14] Pepatah Cina ini memperlihatkan sifat seseorang yang susah untuk diubah.

[15] Polisi reformasi ekonomi yang dikenali sebagai program “Tiga Kebebasan dan Satu Kontrak” (San Zi Yi Bao) yang dicadangkan oleh Liu Shaoqi, Presiden China pada ketika itu. Program tersebut membahagikan bidang-bidang tanah untuk kegunaan peribadi; pasaran bebas; perniagaan mempunyai satu-satunya tanggungjawab pada keuntungan dan kerugian sendiri sahaja, dan penetapan bagi kuota output dalam dasar keluarga.